TITAH
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN PERSIDANGAN MAJLIS MESYUARAT NEGARA

BERTEMPAT DI
PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA BERAKAS

PADA
HARI SABTU, 10 SYAABAN 1425 BERSAMAAN 25 SEPTEMBER 2004

Syukur ke hadrat Allah yang telah mengizinkan kita dapat berhimpun pada hari ini, sempena perasmian sidang Majlis Mesyuarat Negara yang pertama.

Yang Dipertua Majlis Mesyuarat Negara dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Pada 15 Julai yang lalu, Beta telah memaklumkan mengenai dengan penubuhan sebuah Jawatankuasa yang ditugaskan mengkaji semula Perlembagaan dan Undang-Undang Negara, supaya ianya benar-benar selaras dengan keadaan yang penuh dengan cabaran ini.

Jawatankuasa berkenaan telah mengenal pasti perubahan-perubahan yang perlu untuk mengukuhkan lagi institusi pemerintahan beraja dan meningkatkan keberkesanan hubungan Kerajaan dengan rakyat.

Perubahan-perubahan ini akan membolehkan kita dengan sebaik-baiknya melindungi dan memelihara kepentingan rakyat dan negara.

Dengannya juga, dapatlah Beta memikirkan bagaimana rakyat – dengan pelbagai cara – dapat melibatkan diri dalam pembangunan Negara Brunei Darussalam.

Ini, telah Beta bayangkan di dalam Titah Sambutan Hari Keputeraan yang lalu, bahawa Beta berhasrat untuk mewujudkan struktur perundingan yang lebih formal, iaitulah dengan mengadakan semula Majlis Mesyuarat Negara.

Persidangan hari ini adalah merupakan permulaan proses ke arah yang Beta hasratkan.

Kita sedia maklum, orang Brunei mempunyai cara mereka menyalurkan harapan dan masalah melalui berbagai peringkat perundingan. Sudah barang tentu mereka akan mengalu-alukan penubuhan semula Majlis Mesyuarat Negara ini, yang penubuhannya menambahkan lagi forum atau wadah tempat menyalurkan pendapat dan pandangan.

Bagaimanapun, penubuhan semula Majlis ini, dalam apa jua suasana sekalipun, tidak akan menggugat kestabilan dan kesejahteraan yang kita nikmati selama ini.

Begitu juga kewujudannya bukan untuk menimbulkan kacau-bilau atau kebimbangan di kalangan masyarakat. Sebarang kesilapan akan mengundang risiko, di mana untuk memperbaikinya semula akan mengambil masa yang lama.

Oleh itu, kita memulakan proses ini dengan cara yang amat berhati-hati. Beta akan melihat kerja-kerja dan kesan dari kewujudan Majlis ini dan seterusnya akan membuat keputusan sama ada proses ini boleh diteruskan dengan menambah lagi bilangan ahlinya.

Hari ini, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat akan memulakan tugas pertama mereka dengan diberi penghormatan untuk membahaskan masa depan perlembagaan dan negara.

Perlu diingat, penghormatan ini sangatlah berat. Ahli-Ahli mempunyai tanggungjawab untuk memartabatkan Majlis Mesyuarat Negara sebagai institusi yang dihormati serta boleh berfungsi sebagai forum perbincangan yang betul-betul membina.

Ahli-Ahli juga menjadi contoh untuk menunjukkan yang masyarakat Brunei adalah cukup memahami serta menghargai ciri-ciri bernegara; ciri-ciri istimewa dalam sistem Kerajaan; sentiasa mengamalkan sikap muafakat dan mengutamakan kepentingan bersama lebih daripada kepentingan diri sendiri.

Masyarakat Brunei juga adalah menolak perbalahan dan permusuhan; menghindari daripada memikirkan perkara-perkara remeh-temeh; serta berusaha menjauhi pemikiran sempit.

Ahli-Ahli Majlis perlu menyedari, bahawa perhatian rakyat dan masyarakat antarabangsa adalah tertumpu kepada mereka. Mereka sedang disuluh sehingga kepada tingkah laku mereka. Oleh itu, sayugialah mereka jangan sekali-kali mengabaikan faktor-faktor akhlak di samping juga yang lain-lain.

Berusahalah membentuk satu model yang boleh dibanggakan, yang mencerminkan budaya kita orang Brunei yang palikat dengan agama serta kukuh dengan adat resam yang tinggi.

Pada hari ini adalah merupakan satu detik bersejarah bagi Negara Brunei Darussalam. Beta penuh yakin, semua ahli akan dapat melaksanakan tugas mereka dengan penuh tanggungjawab, demi kepentingan rakyat dan penduduk.

Beta dan rakyat adalah sedang menunggu hasil perundingan ini. Beta percaya, institusi ini akan lebih mendekatkan Beta dan Kerajaan dengan rakyat serta dapat membantu memenuhi cita-cita dan harapan kita semua.

Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamu ‘Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

TITAH
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN PERSIDANGAN PEMBUKAAN RASMI MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KEDUA MAJLIS MESYUARAT NEGARA

BERTEMPAT DI
PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA BERAKAS

PADA
HARI RABU, 15 SAFAR 1427 BERSAMAAN 15 MAC 2006

Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana mengizinkan kita berhimpun di perasmian Majlis Mesyuarat Negara pada hari ini.

Mesyuarat yang akan berlangsung ini, membawa mesej terbuka bahawa Kerajaan dan rakyat adalah berganding bahu memelihara elemen-elemen penting dalam sistem yang kita ada.

Cara ini telah banyak mendatangkan kebajikan. Melalui permesyuaratan, kita sebenarnya adalah membuka jalan untuk lebih kaya dengan idea-idea baru dan pengalaman.

Inilah wadah yang amat Beta sukai, dari semangatnya Alhamdulillah, Beta telah mendapat banyak inspirasi untuk mengadakan siri-siri lawatan kepada seluruh lapisan rakyat, di daerah-daerah mahupun di kampong-kampong.

Dengan cara ini, dapatlah Beta mendampingi mereka, dan juga berkongsi pengalaman serta harapan.

Majlis Mesyuarat Negara adalah seperti Majlis-Majlis Mesyuarat yang lain juga. Ia berperanan sebagai badan penasihat kepada Beta dalam perkara-perkara yang bersangkutan dengan kepentingan rakyat dan negara.

Pandangan atau buah fikiran yang diberikan oleh Ahli-Ahli adalah secara "constructive" untuk mencapai "consensus".

Pada hari ini adalah merupakan sesi pertama permesyuaratan Majlis Mesyuarat Negara yang baru dilantik. Ia terdiri daripada 29 Ahli, 5 Ahli telah pun Beta lantik daripada daerah-daerah.

Beta tidak lupa mengucapkan tahniah dan selamat bersidang.

Penambahan Ahli adalah selaras dengan kehendak Perlembagaan dan juga hasrat Beta sendiri untuk memberikan peluang yang luas kepada rakyat dalam memberikan pandangan.

Beta yakin, Ahli-Ahli yang dilantik akan dapat memainkan peranan ini dengan sebaiknya.

Pada sidang hari ini, majlis buat pertama kalinya akan membincangkan Peruntukan Belanjawan Negara.

Inilah peluangnya untuk Ahli-Ahli memberikan pandangan masing-masing. Beta yakin, mereka adalah mampu untuk melaksanakan tanggungjawab ini.

Sebagai Ahli, mereka tidaklah perlu takut-takut, tetapi sebaliknya meletakkan diri masing-masing untuk menangani kepentingan Negara dan rakyat.

Jika mereka dapat berbuat yang demikian itu, maka inilah satu kejayaan besar untuk negara, dan juga untuk masa depan Majlis yang ditunggu-tunggu.

Oleh itu, harapan adalah sangat tinggi, supaya Ahli-Ahli bukan sahaja menjadi penyampai yang baik bagi Kerajaan dan rakyat, malahan juga turut dituntut ialah menjadi ahli fikir yang dicontohi oleh masyarakat.

Rakyat dan penduduk adalah sentiasa fokus kepada mereka, siapa selaku wakil bagi perpaduan kebangsaan dan nilai-nilai etika yang luhur.

Mereka juga adalah berada paling menghormati ugama, undang-undang dan juga adat resam bangsa.

Yang Dipertua dan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara,

Perkembangan Perlembagaan adalah merupakan proses yang memerlukan penilaian dari masa ke semasa, di samping melaksanakannya dengan teratur.

Beta sendiri juga mahu bersama-sama mengawasi proses ini.

Beta juga akan menentukan arah tuju serta kesahihan Perlembagaan menurut yang semestinya.

Tentang Majlis Mesyuarat Negara, Beta sendiri ingin memerhatikan perjalanannya, di samping turut menilai kesan-kesannya ke atas kehidupan rakyat dan penduduk.

Salah satu agenda utamanya ialah untuk membahaskan Peruntukan terutama perancangan, kewangan dan sumber pendapatan Negara.

Dari segi sumber pendapatan, negara kita telah mendapat nikmat menjadi sebuah Negara pengeluar minyak, yang dengannya juga menjadikan kita beroleh kemakmuran yang wajib disyukuri.

Namun ini, janganlah ianya menjadikan kita bersikap leka dan membazir, tetapi sebaliknya perlu sentiasa waspada dan jimat.

Langkah mempelbagaikan ekonomi juga amatlah penting, memandangkan perkembangan dunia yang tidak menentu. Selain minyak dan gas, sumber-sumber lain juga seperti pertanian turut membawa kita terpanggil untuk menerokanya lebih jauh. Kerana kita tidaklah boleh selama-lamanya bergantung kepada pihak luar, dan malah adalah menjadi satu kesilapan yang ketara jika kita tidak mengambil kira faktor-faktor alam dan politik yang mendatang.

Jadi sehubungan ini, semua sektor, Kerajaan mahupun swasta mestilah sama-sama mendukung usaha Kerajaan bagi mempelbagaikan sumber ekonomi Negara ini.

Kita tidak mampu lebih jauh tertinggal ataupun tercicir. Kita mesti berani menerokanya, serta berazam untuk mengelakkan kelembapan yang merugikan.

Akhirnya, Beta mengharapkan supaya Ahli-Ahli akan dapat berbincang dengan bersungguh-sungguh serta penuh himmah, supaya nanti semua keputusan dapat dicapai sebagaimana semestinya.

Demikian juga Beta berdoa, semoga dengan bimbingan bijaksana dari Yang Amat Mulia Yang Dipertua, Persidangan ini akan dapat berjalan dengan lancar lagi sempurna.

Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamu ‘Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

TITAH
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN PERSIDANGAN PEMBUKAAN RASMI MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KETIGA MAJLIS MESYUARAT NEGARA

BERTEMPAT DI
PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA BERAKAS

PADA
HARI SELASA, 16 SAFAR 1428 BERSAMAAN 6 MAC 2007

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Bismillahir Rahmanir Rahim, Alhamdulillahi Rabbil 'Alameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadeen, Wassalaatu Wassalamu'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddun Wa'alaa Aalihiee Wasahbihee Ajma'een Waba'du.

Syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana mengizinkan kita dapat berkumpul di Majlis Perasmian Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Majlis Mesyuarat Negara pada hari ini.

Dalam persidangan kali ini Ahli-Ahli akan berpeluang untuk membincangkan Peruntukan Belanjawan Tahun 2007 – 2008.

Peruntukan ini tidak syak lagi, adalah nadi bagi menggerakkan jentera pembangunan negara. Objektifnya yang utama ialah supaya kebajikan rakyat sentiasa terpelihara. Dengan peruntukan itu, kita bukan saja mampu merancang, tetapi juga berupaya untuk membawa negara ini kepada perkembangan yang selayaknya.

Beta berharap, semua agensi Kerajaan yang diamanahkan dengan peruntukan kewangan akan dapat mengawalnya dengan penuh akauntabiliti serta menggunakannya menurut perancangan. Semua sistem pelaksanaan, pemantauan dan penilaian hendaklah sentiasa dikemaskinikan, supaya semua yang berkepentingan dengannya akan dapat menikmati perkhidmatan yang efisien lagi berkesan.

Pengurusan kewangan yang bijaksana dan bertanggungjawab akan membolehkan kita bergerak dengan lebih cepat dalam mengatasi apa jua rupa cabaran.

Di satu aspek, kita biasa diberitahu betapa pentingnya berbelanja dengan cara berhemat atau *prudent.* Tetapi di aspek yang lain kita juga perlu melihat keutamaan, sambil tidak mengorbankan kelicinan pentadbiran yang akan menjejaskan pembangunan jangka pendek mahupun jangka panjang.

Setiap cadangan dan rancangan perlulah ditimbang, bahawa ia bukan saja berdasarkan keperluan *'value for money'* tetapi lebih utama ialah kemanfaatannya yang dapat membawa negara mencipta tamadun dan nama. Kerana negara yang ketandusan tamadun dan nama tidak akan mampu untuk berdiri cemerlang.

Demikian juga tidak salah untuk kita mengambil kira, bahawa setiap perancangan belanjawan itu hendaklah mempunyai nilai dapat mendatangkan pulangan pelaburan, sama ada secara langsung mahupun tidak langsung. Bila bercakap mengenai pelaburan, janganlah ia disempitkan kepada aspek benda semata-mata. Tetapi di manakah kita dengan aspek ilmu dan pendidikan umpamanya?

Kerana itu "perancangan besar" yang berkualiti ialah, bila mana kita dapat menjelmakan pelaburan bersepadu di antara benda dan tamadun.

Pelaburan ketamadunan juga adalah amat berpotensi untuk menambahkan penghasilan negara. Jadi rancangan-rancangan Kerajaan bukan saja untuk perkembangan ekonomi yang berkesan, malahan juga untuk memperkukuh dan memperkaya lagi nilai-nilai hidup dan tamadun bangsa.

Beta yakin tugas ini bukanlah luar biasa untuk dilaksanakan, jika semua pihak mempunyai kefahaman dan visi yang sama.

Setakat ini, Alhamdulillah, dengan izin dan petunjuk Allah jua, telah banyak kejayaan yang dapat kita nikmati. Sehubungan itu, Beta juga gembira mendapati perkembangan yang baik, sejak Majlis Mesyuarat Negara diwujudkan semula.

Beta berharap, ahli-ahli Yang Berhormat akan dapat menunaikan tanggungjawab masing-masing dengan bijaksana, dedikasi serta ikhlas. Dinamakan bijaksana itu ialah dapat melihat segala permasalahan dengan "mata hati", bukan semata-mata apa yang dipapar sahaja, tetapi juga tahu meletakkan harga kata-kata bagi meraih manfaat daripadanya. Sasaran utama kita tidak lain ialah untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebuah negara yang benar-benar berdaulat aman makmur lagi selamat.

Akhirnya Beta berdoa semoga Ahli-Ahli akan dapat berbincang dengan penuh hemah bagi memartabatkan Majlis Mesyuarat ini selaku sebuah institusi yang betul-betul dihormati. Jadikanlah ia forum atau wadah yang membina bagi kelangsungan konsep Melayu Islam Beraja yang luhur itu.

Beta yakin dengan bimbingan bijaksana Yang Amat Mulia Yang Dipertua Dewan persidangan ini berjalan dengan lancar, bebas dan menepati sasarannya.

Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

TITAH
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN PERSIDANGAN PEMBUKAAN RASMI MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KEEMPAT MAJLIS MESYUARAT NEGARA

BERTEMPAT DI
BANGUNAN BARU DEWAN MAJLIS

PADA
HARI SELASA, 26 SAFAR 1429 BERSAMAAN 4 MAC 2008

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Bismillahir Rahmanir Rahim, Alhamdulillahi Rabbil 'Alameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadeen, Wassalaatu Wassalamu'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddun Wa'alaa Aalihiee Wasahbihee Ajma'een Waba'du.

Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua dapatlah kita berkumpul di Majlis Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keempat Majlis Mesyuarat Negara pada hari ini.

Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Hari ini kita mencipta sejarah dalam perkembangan Majlis Mesyuarat Negara, kerana permesyuaratan pada kali ini diadakan dalam Bangunan Baru Dewan Majlis Mesyuarat Negara.

Bangunan ini menjadikan lambang kemegahan dan muafakat di antara Kerajaan dengan rakyat serta penduduk dalam memenuhi tanggungjawab mereka secara formal dan lebih teratur. Di sinilah wakil-wakil dapat memberikan sumbangan buah fikiran untuk pembangunan dan perkembangan negara.

Sejak penubuhan semula Majlis Mesyuarat Negara pada 25 September 2004, kita telah menerima ulasan dan maklum balas yang menggalakkan mengenainya. Kita adalah mengambil berat semua pandangan yang diberikan itu.

Majlis ini kita sifatkan sebagai syura permuafakatan untuk melakar strategi-strategi yang bermanfaat bagi membantu Kerajaan Beta pada meneguhkan lagi sistem yang sedia ada, yang sudah kita warisi sejak turun-temurun.

Beta akan terus memerhatikan perjalanan permesyuaratan ini, di samping berharap ia akan menjadi wadah mencetuskan pemikiran-pemikiran baru lagi bernas.

Ia juga dihasratkan dapat berlangsung dengan baik serta mampu mencapai semua objektifnya termasuk kewajipan membincangkan Anggaran Belanjawan bagi Tahun Kewangan 2008/2009. Oleh itu diharapkan kepada ahli-ahli supaya berpandangan jauh dalam perbincangan dengan penjurusan ialah kepada isu-isu strategik yang bermanfaat bagi rakyat, selaras dengan hala tuju negara dalam tahun-tahun mendatang.

Mutu perbincangan adalah turut ditentukan oleh sifatnya yang *"substantif",* membina dan berasaskan kepada kajian-kajian fakta yang teliti dan tepat.

Baru-baru ini, kita telah mengeluarkan pelan pembangunan jangka panjang yang dinamakan "Wawasan Brunei 2035". Pelan ini menggariskan dasar-dasar dan strategi-strategi pembangunan negara bagi tempoh 30 tahun mendatang.

Beta berharap dengan Wawasan ini, tujuan kita untuk menjadikan orang-orang Brunei berpengetahuan tinggi lagi berkemahiran, akan berjaya dicapai. Demikian juga ekonomi yang berdaya tahan dan dinamik, yang menjadi matlamat utama kita, akan juga dapat dinikmati.

Dalam perkara ekonomi ini, Wawasan adalah menekankan ke arah peningkatan yang ketara di samping juga untuk menyediakan peluang-peluang pekerjaan yang diperlukan oleh negara.

Semenjak negara mencapai kemerdekaannya, pendapatan per kapita penduduk adalah memberangsangkan, sepuluh tahun selepas merdeka ianya terus meningkat. Ini tidak diragukan lagi, dengan sendirinya menyumbang kepada peningkatan taraf hidup dan kesejahteraan rakyat.

Sebagai contoh pada tahun 1994, pendapatan per kapita adalah sebanyak BND 23,502 dan naik lagi pada tahun-tahun berikutnya sehingga mencecah kepada BND 47,964 pada tahun 2006. Bertolak dari sini, sepatutnya, kadar kemiskinan dengan sendirinya adalah menurun.

Maka berdasarkan ini, adakah tidak terlintas di ingatan kita untuk menetapkan salah satu matlamat Wawasan ialah, untuk menjadikan kadar kemiskinan di negara ini ke tahap sifar?

Beta yakin, Negara Brunei Darussalam adalah mampu untuk itu, dan Majlis Mesyuarat pula boleh memainkan peranan sebagai penunjuk cara bagaimana mencapai hasrat ini.

Satu lagi matlamat kita ialah, ke arah meningkatkan taraf hidup melalui berbagai projek dari program pembangunan, terutama yang melibatkan sosio ekonomi.

Ekonomi itu dalam pengertiannya ialah sistem pengendalian sumber kekayaan, yang antaranya turut disumbangkan oleh pertanian. Pertanian tidak syak lagi adalah satu bidang penting untuk mempelbagaikan ekonomi.

Semua negara di dunia adalah bergantung kepada pertanian, kerana peranannya menyediakan makanan sama ada dengan cara menghasilkannya sendiri ataupun mengimport.

Matlamat pertanian adalah untuk memenuhi penduduk, di samping juga ia boleh diperniagakan secara lokal dan global dalam makna pertanian komersial.

Isu kita, sejauh manakah pertumbuhan pertanian itu di negara kita ini? Adakah kita sedang mengalami pertumbuhan positif ataupun sebaliknya?

Sekali-sekala Beta dapat menyaksikan melalui media bahawa ada pemimpin dan lain-lain pegawai kerajaan bersama-sama dengan rakyat turun ke sawah padi.

Apakah rumusan kita dari pengalaman ini? Adakah misalnya prasarana persawahan dan perladangan kita sudah mencapai piawaian standard persawahan dan perladangan yang maju?

Jika ya, sudah tentulah galakan perlu diberikan untuk kelangsungan dan peningkatannya, sementara jika belum, maka bimbingan atau tunjuk-ajar adalah mustahak.

Beta percaya, Ahli-Ahli Yang Berhormat mampu melihat perkara ini untuk sama-sama dibincangkan.

Untuk akhirnya, Beta berharap Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat akan dapat mengadakan perbincangan dengan bersungguh-sungguh serta penuh dedikasi dan dengan pimpinan Yang Amat Mulia Yang Di-Pertua, Beta berkeyakinan sesi permesyuaratan pada kali ini akan dapat berjalan dengan lancar dan sempurna serta membuahkan hasil yang kita harap-harapkan.

Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamu ‘Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

TITAH
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN PERSIDANGAN PEMBUKAAN RASMI MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KELIMA MAJLIS MESYUARAT NEGARA

BERTEMPAT DI
BANGUNAN DEWAN MAJLIS

PADA
HARI KHAMIS, 15 RABIULAWAL 1430 BERSAMAAN 12 MAC 2009

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Bismillahir Rahmanir Rahim, Alhamdulillahi Rabbil 'Alameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadeen, Wassalaatu Wassalamu'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddun Wa'alaa Aalihiee Wasahbihee Ajma'een Waba'du.

Segala puji dan syukur bagi Allah jua yang mengizinkan kita berkumpul pada hari ini di Majlis Pembukaan Persidangan Musim Permesyuaratan Kelima Majlis Mesyuarat Negara.

Seperti lazimnya Ahli-Ahli Yang Berhormat akan menjadikan Persidangan ini sebagai wadah untuk mencetuskan idea-idea baru lagi bernas, bagi membantu kerajaan untuk melakar strategi-strategi pembangunan yang diperlukan.

Demikian juga, ia diharapkan, untuk dapat menunjukkan imej terbaik tentang sistem kita, berbanding beraneka sistem di merata dunia yang tidak mampu, walau sekadar hanya untuk menstabil keadaan.

Kita, melalui sistem yang ada, telah membuktikan keupayaan dapat membawa negara ini menikmati berbagai kebajikan, melebihi dari orang lain. Di samping kita mengekalkan kemakmuran dengan izin Allah, kita jua Alhamdulillah, menikmati keamanan dan ketenteraman, apa yang sungguh-sungguh sukar diperolehi, khasnya di masa akhir-akhir ini oleh orang lain.

Kita, belum pun sampai sebulan merayakan Jubli Perak Kemerdekaan. Jangka masa 25 tahun itu dapat disifatkan sebagai titik awal menguji kita, sama ada kita layak dianggap bangsa yang benar-benar merdeka.

Pada hemat Beta, kelayakan itu adalah merujuk kepada keadaan suatu bangsa sama ada ia mampu membangun dirinya dan berjaya melakar kehidupan yang lebih baik.

Dalam konteks ini, kita rasanya tidaklah ketinggalan, malah sentiasa memiliki kedudukan terbaik di bidang apa jua, hasil daripada pencapaian menerusi sistem kita yang ada itu. Ini bukan lagi andaian tetapi kenyataan.

Kedewasaan bernegara turut menerima ujian-ujian berat. Namun kita terselamat, kerana kita mampu mengurus diri sendiri dengan sebaik mungkin.

Di antara ujian berat itu ialah krisis ekonomi global yang melanda dunia hari ini. Krisis itu merembat ke seluruh jagat tanpa memilih-milih. Ia dianggap paling parah sejak kemelesetan dunia 80 tahun yang lampau, di sekitar tahun-tahun 1927 dan 1929.

Krisis ini menjadikan pasaran merudum, nilai mata wang mengecil, pembuangan beramai-ramai pekerja dan sistem kewangan hancur.

Pada akhir tahun 2008, Tabung Mata Wang (IMF) meramalkan ekonomi dunia berkembang cuma 2.2 peratus pada tahun 2009. Tetapi ramalan terkini IMF juga cuma 0.5 peratus sahaja, iaitu suatu kadar paling rendah dalam tempoh 60 tahun. Itupun, masih ada lagi pihak lain yang meramal bahawa kadar 0.5 peratus juga masih dianggap terlalu optimistik.

Semua negara di dunia mengalami pertumbuhan lembab, tidak kira negara maju atau negara sedang membangun. Malah misalnya, ada negara yang biasa menikmati pertumbuhan 'dua' angka, menjadi cuma 'satu' angka sahaja. Di samping, ada pula negara yang meramalkan dirinya mungkin merudum sampai dua angka, suatu kemerosotan yang cukup memeritkan.

Dari kegawatan yang dahsyat ini, maka banyaklah negara mengambil langkah darurat dengan memberhentikan sekian ramai pekerja-pekerja mereka. Kalau seribu dua yang diberhentikan itu adalah biasa saja. Tetapi terdapat juga sampai puluhan ribu, dan malah di negara yang ramai penduduk, ada yang sampai 20 juta pekerja daripada pedalaman terpaksa pulang ke kampung semula setelah kehilangan pekerjaan di bandar dan di kilang-kilang setempat.

Ini semua membayangkan betapa dunia adalah di ambang bahaya.

Namun sosial-ekonomi negara kita pada setakat ini, Alhamdulillah masih terus dalam kedudukan stabil dan kukuh, walaupun pendapatan kerajaan sedikit terjejas disebabkan penurunan harga pasaran minyak global.

Kemampuan kita bertahan adalah ditolong dengan dasar dan sikap berbelanja negara secara berhemah, ditambah lagi dengan kegiatan dan pertumbuhan ekonomi kita tidak bergantung kepada hutang *(leverage).* Perlu diketahui bahawa pergantungan kepada hutang ini telah menjerumuskan banyak negara ke jurang kemiskinan lebih parah.

Kejatuhan harga minyak secara mendadak perlu dihadapi dengan lebih bijak dalam berbelanja, termasuk mengelak segala bentuk pembaziran. Lebih-lebih lagi di pihak kerajaan, amat perlu membanyakkan aktiviti-aktiviti ekonomi, sambil tidak lupa, merancang langkah-langkah untuk menghadapi saingan apabila ekonomi dunia pulih nanti.

Negara turut bernasib baik dengan harga minyak yang melonjak naik beberapa tahun sebelumnya, kerana ia, benar-benar menyumbang kepada lebihan hasil pendapat kerajaan.

Hasil lebihan ini perlu diurus dengan sebaik mungkin untuk memperolehi pulangan bagi mengukuhkan lagi fiskal negara dalam jangka panjang. Maka untuk tujuan ini, Beta telah memperkenankan penubuhan sebuah dana dipanggil *Sustainability Fund* di bawah Kementerian Kewangan. Dan untuk tujuan pengawalan serta pengurusan dana, Beta juga telah memperkenankan satu rang undang-undang *Sustainability Fund Order* yang mula berkuat kuasa pada 11 Mac 2008.

Dalam menangani perbelanjaan-perbelanjaan kerajaan, kita juga mengambil ingatan akan perkara-perkara yang di luar kawalan dan jangkaan, seperti baru-baru ini, satu fenomena banjir luar biasa dan tanah susur telah turut melanda negara ini. Kejadian ini memberi impak pada sejumlah besar rakyat dan penduduk.

Selain menyumbangkan bantuan-bantuan, kita juga perlu mengambil langkah-langkah ke hadapan pada mengemaskini rangkaian infrastruktur negara, sehingga tidak ada lagi apa yang disebut sebagai kemudahan-kemudahan asas yang lemah atau keperluan-keperluan utama yang belum ditangani.

Sebenarnya, peruntukan-peruntukan untuk itu telah pun disediakan, dan malah bila keadaan memerlukan, peruntukan tambahan boleh saja ditimbangkan. Contohnya, kerana kejadian yang melanda baru-baru ini, maka Beta telah memperkenankan satu peruntukan khusus berjumlah $30 juta untuk mempercepatkan lagi usaha atau langkah-langkah pembaikan, pemeliharaan dan penaik taraf infrastruktur dan lain-lain kemudahan awam. Agensi-agensi kerajaan yang berkenaan dikehendaki serentak untuk menjalankan tanggungjawab masing-masing tanpa berlengah.

Beta melihat, masih banyak kerja-kerja terbangkalai yang perlu dipercepat. Setengah projek itu, baru saja berjalan tiba-tiba berhenti. Mengapakah ia terhenti? Apakah ini tidak mungkin – menjadi salah satu sebab – menyumbang kepada banjir besar?

Semua itu memerlukan kajian dan “jawapan tepat” untuk mengatasi.

Beta percaya, Ahli-Ahli Yang Berhormat tidak akan lepas pandang begitu sahaja terhadap perkara-perkara seumpama ini, tetapi akan memberikan perhatian secukupnya kepada apa-apa jua yang menyangkut dengan Kebajikan rakyat dan negara tanpa takut-takut atau malu-malu dan ragu.

Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamu ‘Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

TITAH
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN PERSIDANGAN PEMBUKAAN RASMI MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KEENAM MAJLIS MESYUARAT NEGARA

BERTEMPAT DI
DEWAN PERSIDANGAN MAJLIS MESYUARAT NEGARA

PADA
HARI KHAMIS, 26 RABIULAWAL 1431 BERSAMAAN 11 MAC 2010

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Bismillahir Rahmanir Rahim, Alhamdulillahi Rabbil 'Alameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadeen, Wassalaatu Wassalamu'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddun Wa'alaa Aalihiee Wasahbihee Ajma'een Waba'du.

Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana mengizinkan kita dapat berkumpul di Majlis Pembukaan Persidangan Musim Permesyuaratan Keenam Majlis Mesyuarat Negara pada hari ini.

Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan ini seperti lazimnya akan dijadikan saluran bagi menyampai dan membahaskan pandangan-pandangan Ahli yang dilihat sebagai cara untuk menjana perkembangan dan kemajuan.

Dari sinilah suara-suara akan didengar dan sampai kepada pihak-pihak dalam Kerajaan. Semuanya itu akan dinilai dan diteliti jika didapati bersesuaian ia akan menjadi asas kepada perancangan-perancangan Negara.

Pihak-pihak dalam Kerajaan pula sentiasa berkewajipan untuk mendekati rakyat dan penduduk dengan maklumat-maklumat yang berguna supaya mereka dapat sama-sama merasakan betapa mustahaknya negara merancang dan membangun untuk kemajuan.

Setiap perkara yang dibincang hendaklah benar-benar mengambil kira kemaslahatan rakyat dan negara, bukannya perkara-perkara yang tidak penting. Ia mesti dilihat dengan serius bukan dengan sikap sambil lewa.

Sebarang kenyataan atau pandangan perlulah disokong dengan kajian dan fakta supaya perbincangan mampu terarah dengan baik tidak kucar-kacir atau tersasar daripada tujuan.

Sebagai misalnya kita kadang-kadang mendapati ada projek-projek yang tidak dapat disiapkan dalam tempoh tertentu yang ditetapkan, apa alasannya maka berlaku yang demikian itu. Inilah yang perlu kita kaji dan dalami sebab-sebabnya sama ada dari pihak Kerajaan sendiri mahupun pihak pengusaha.

Mengapakah kegagalan itu boleh berlaku dan apa puncanya, mustahak dibutirkan selengkapnya faktor-faktor kegagalan tersebut, kerana ia sangat besar kegunaannya,

di antaranya kita dapat belajar dari kesilapan dan juga dengan mengetahui kesilapan dan punca-punca kegagalan itu. Kita pada masa-masa akan datang tidak lagi akan mengulanginya.

Kita perlu mengorak langkah lebih pantas untuk mengatasi jika ada sebarang kelambatan atau kegagalan kita mencapai sasaran. Kerana kelambatan atau kegagalan itu sangat buruk akibatnya kepada negara.

Sekarang negara sedang rancak dengan pembangunan ekonominya, setelah menyaksikan kesan-kesan krisis ekonomi dunia yang parah. Alhamdulillah, berkat dasar kita yang mantap dan sikap sihat dalam berbelanja tanpa bergantung dengan hutang maka sosio-ekonomi kita terus kukuh dan stabil. Ditambah lagi dengan adanya peningkatan tahap keyakinan di pasaran kewangan dunia dan peningkatan dalam bentuk permintaan bagi produk minyak mentah. Ini sedikit sebanyak dapat mempastikan bahawa hasil pendapatan negara, insya-Allah, akan terus mampu untuk menampung perbelanjaan-perbelanjaan kerajaan.

Sebagai contoh bagi Tahun Kewangan 2009/2010 ini sahaja, Kerajaan Beta telah meluluskan peruntukan tambahan sebanyak $626.8 juta dengan hasrat supaya operasi perkhidmatan Kerajaan dan pelaksanaan projek-projek pembangunan tidak terjejas di samping untuk merangsang aktiviti-aktiviti perekonomian yang berdaya saing. Ini semua tentu sahaja memerlukan mekanisma yang ligat, cekap dan tidak ketinggalan zaman, kerana pengurusan ekonomi itu bukanlah berundur ke belakang walau setapak.

Ditambah lagi ekonomi kita juga sedang bergerak kepada kepelbagaian ekonomi serta tidak lagi terlalu bergantung kepada hasil minyak dan gas yang kita lihat sebagai antara objektif asas wawasan negara.

Namun dalam perkara pembangunan ini kita perlu memahami bahawa pembangunan yang lengkap itu bukan semata-mata difokuskan kepada infrastruktur fizikal tetapi juga mesti memberikan penekanannya kepada bidang rohani. Kedua-duanya fizikal dan rohani mestilah seimbang dibangun. Sudah tidak rahsia lagi semua negara di dunia ini rata-rata membangun tetapi pembangunan itu kelihatannya melebihkan fizikal. Betul mereka itu mungkin maju tetapi dalam maju itu ada yang tidak senang duduk, tidak merasa nikmat tidur kerana negara asyik bergelut dengan huru-hara dan peperangan dengan pergaduhan-pergaduhan sesama sendiri dengan jenayah, dengan dadah, dengan rasuah dan lain-lain.

Ini semua boleh membuat kemajuan yang dicapai tidak bermakna. Kerana itu Beta tidak bosan-bosan menyebut mengenai pendidikan. Pendidikan adalah pelaburan sepanjang hayat yang tidak boleh diabai-abaikan. Dasarnya mesti sihat dan sistemnya mesti betul. Dasar dan sistem yang baik ialah dasar dan sistem yang mampu untuk membangunkan rohani bukan yang melemahkannya. Sebab itu Beta berkali-kali memberi isyarat bahawa pendidikan ugama daripada bawah lagi sewajarnya wajib bukan 50 tahun sebagai pilihan.

Akhirnya Beta menyeru kepada Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara supaya akan dapat lebih peka dengan segala permasalahan yang dialami oleh rakyat dan penduduk negara ini termasuklah yang tinggal di kawasan-kawasan pedalaman dan membawa permasalahan tersebut untuk dibincangkan di dalam dewan yang mulia ini.

Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamu ‘Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

TITAH
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SEMPENA
ISTIADAT PEMBUKAAN RASMI MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KETUJUH MAJLIS MESYUARAT NEGARA

BERTEMPAT DI
DEWAN PERSIDANGAN MAJLIS MESYUARAT NEGARA

PADA
HARI SELASA, 26 RABIULAWAL 1432 BERSAMAAN 1 MAC 2011

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Bismillahir Rahmanir Rahim, Alhamdulillahi Rabbil 'Alameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadeen, Wassalaatu Wassalamu'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddun Wa'alaa Aalihiee Wasahbihee Ajma'een Waba'du.

Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana mengizinkan kita dapat berkumpul di Majlis Pembukaan Persidangan Musim Permesyuaratan Ketujuh Majlis Mesyuarat Negara pada hari ini.

Beta terlebih dahulu ingin mengucapkan tahniah kepada Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, di atas pelantikannya sebagai Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara yang baru.

Beta berharap semoga Yang Di-Pertua Majlis akan dapat menjalankan tugas dan kewajipan dengan sebaik-baiknya demi mempertingkatkan lagi martabat Majlis Mesyuarat Negara sebagai sebuah institusi yang sama-sama berperanan untuk kepentingan negara.

Di kesempatan ini juga, Beta ingin merakamkan penghargaan Beta kepada Pengiran Indera Mahkota Pengiran Anak (Dr.) Kemaludin Al-Haj ibni Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Haji Mohd. Yassin, di atas khidmat bakti, tenaga dan buah fikiran yang telah disumbangkannya selama menjadi Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara.

Beta gembira mengikuti perkembangan persidangan yang telah berjaya memainkan peranannya untuk membincang dan membahas isu-isu utama pembangunan semasa. Namun kita belum dapat berpuas hati kerana setiap hari kita terus berhadapan dengan pelbagai perubahan dan cabaran untuk menguji kecekapan dan kewaspadaan kita.

Sebagai contoh, baru sahaja ekonomi dan kewangan dunia sedikit pulih daripada cengkaman krisis yang dinamik, yang dramatik, tiba-tiba giliran inflasi pula, mula membebankan kehidupan sejagat sehingga menggugat keharmonian dan kestabilan beberapa negara di dunia.

Alhamdulillah, kita di negara ini masih terpelihara dari tekanan inflasi tersebut, berkat adanya dasar dan usaha kerajaan untuk terus membantu rakyat dan penduduk melalui subsidi-subsidi dalam beberapa keperluan asasi.

Kita hanyalah dikehendaki bersyukur dan mengelakkan sebarang pembaziran serta penyalahgunaan ke atas subsidi-subsidi yang dihulurkan itu. Ingat, sebarang penyalahgunaan seperti penyeludupan keluar barang-barang subsidi itu hukumnya adalah haram dan suatu jenayah. Maka oleh itu semua agensi penguat kuasa bagi pencegahan adalah berkewajipan menanganinya.

Lain lagi isu bayaran yang tertunggak bagi kemudahan dan utiliti-utiliti yang subsidi itu, jumlahnya bukanlah sedikit tetapi sehingga beratus juta ringgit. Di samping membawa kerugian kepada kerajaan, ia juga turut melibatkan soal tabiat yang tidak baik, yang perlu diubah dan dikikis.

Beberapa bulan kebelakangan, fenomena bencana alam berlaku di beberapa bahagian dunia. Ada yang sampai mengakibatkan kerosakan-kerosakan besar, kesusahan dan juga nyawa terkorban.

Di negara kita, juga turut mengalami banjir di beberapa tempat bahagian yang rendah terutama kawasan-kawasan pedalaman. Namun alhamdulillah, kejadian-kejadian tersebut telah dapat ditangani dengan usaha dan semangat padu di kalangan agensi kerajaan dan orang ramai.

Sungguhpun begitu, Beta tetap berharap akan adanya rancangan dan tindakan oleh agensi-agensi berkenaan bagi mengurangkan kemungkinan banjir yang berulang-ulang.

Menyebut lagi tentang ekonomi dan kewangan, walaupun pendapatan banyak, namun ia bukanlah jaminan bagi kestabilan dan kekukuhan kewangan andainya ia tidak diurus dengan cekap dan berhemah. Ini dapat diambil iktibar daripada krisis hutang yang dialami oleh beberapa negara di dunia yang berpunca daripada pelbagai sebab, antaranya perbelanjaan besar di luar kemampuan, pembaziran, rasuah dan lain-lain.

Untuk kelangsungan ekonomi dan kewangan, kita juga perlu meningkatkan produktiviti yang bersinonim dengan peningkatan kapasiti. Oleh itu, kerajaan Beta, tetap mengutamakan peningkatan kapasiti *(capacity building),* demi menyedari akan hebatnya saingan dari arus deras globalisasi. Ia juga penting untuk mengisi sebarang kehendak dan peluang pekerjaan dan perniagaan. Maka untuk itu, kerajaan Beta secara berterusan telah menyediakan peruntukan yang bersesuaian kepada kementerian dan jabatan, bukan sahaja untuk meningkatkan keupayaan tenaga kerja masing-masing, malahan juga dapat diambil peluang oleh belia-belia yang sedang mencari pekerjaan di sektor awam dan swasta.

Sehubungan itu, Beta juga gembira melihat latihan-latihan bersepadu yang diberikan kepada anak-anak muda untuk meningkatkan kemahiran perniagaan mereka. Penekanan kepada pendidikan teknikal dan vokasional yang dikuatkan oleh Kementerian Pendidikan adalah bertepatan pada masanya.

Kerajaan juga sedang menjana iklim perniagaan yang lebih kondusif. Pada misalnya baru-baru ini, Beta telah memperkenankan penubuhan Jawatankuasa Pandu *'Ease of doing business'* bagi tujuan untuk memudah cara bisnes di negara ini dan juga untuk meningkatkan kedudukan negara dalam indeks pencapaian *'ease of doing business'.*

Beta berharap semua lapisan rakyat dan penduduk khasnya pihak swasta dan para belia akan dapat sama-sama bergiat lebih progresif untuk mempelbagaikan aktiviti ekonomi negara ini. Janganlah terlepas peluang atau tertinggal di belakang disebabkan oleh sikap banyak menunggu atau asyik menonton sahaja.

Akhirnya, Beta menyeru kepada Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara supaya dapat meneruskan serta melipatgandakan usaha masing-masing dalam memeduli permasalahan rakyat dan penduduk negara ini sama ada mereka yang bermastautin di kawasan bandar mahupun di kawasan pedalaman. Apa jua permasahalan itu kita tangani dengan baik dan sempurna dengan jalan berunding dengan hati yang terbuka dalam dewan yang mulia ini.

Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamu ‘Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

TITAH
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SEMPENA
ISTIADAT PEMBUKAAN RASMI MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KELAPAN MAJLIS MESYUARAT NEGARA

BERTEMPAT DI
BANGUNAN DEWAN MAJLIS

PADA
HARI KHAMIS, 8 RABIULAKHIR 1433 BERSAMAAN 1 MAC 2012

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Bismillahir Rahmanir Rahim, Alhamdulillahi Rabbil 'Alameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadeen, Wassalaatu Wassalamu'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddun Wa'alaa Aalihiee Wasahbihee Ajma'een Waba'du.

Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala yang telah mengizinkan Majlis Pembukaan Persidangan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kelapan Majlis Mesyuarat Negara berlangsung pada hari ini.

Beta terlebih dahulu ingin mengucapkan tahniah kepada semua ahli di atas pelantikan semula dan pelantikan baru Majlis Mesyuarat Negara.

Beta juga ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada bekas Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara di atas sumbangan mereka di dalam persidangan-persidangan majlis yang lalu.

Harapan kita terhadap Majlis Mesyuarat Negara adalah sangat tinggi. Persidangan majlis ini adalah merupakan wadah strategik yang berperanan untuk memikir, membahas serta membuat sokongan-sokongan yang terbaik bagi faedah pembangunan negara supaya kekal menjadi *"Baldatun Tayyibatun Warabbun Ghafur".* Sebab itu Beta sangatlah berharap supaya semua Ahli Majlis Mesyuarat Negara akan dapat menunaikan tanggungjawab mereka dengan penuh jujur, ikhlas lagi amanah. Dalam makna apa jua usul yang dibawa di dalam persidangan ini perlulah berasaskan pemikiran dan penelitian yang rapi dengan didukung oleh fakta-fakta betul dan tepat. Di samping itu perbincangan juga biarlah fokus kepada isu-isu yang relevan bagi pembangunan negara.

Pada tahun lepas, di sebalik keadaan ekonomi global yang tidak menentu, alhamdulillah, negara masih sahaja mampu untuk mencatatkan kadar pertumbuhan yang menggalakkan. Ini adalah berkat kerjasama dan usaha yang padu di kalangan agensi-agensi yang melaksanakan projek dan program kerajaan sebagaimana yang dirancang.

Pada tahun ini, sebagai langkah menaik taraf kesejahteraan rakyat dan penduduk, tumpuan patutlah diberikan kepada lebih meningkatkan lagi tahap dan kualiti pendidikan serta pembinaan keupayaan insan termasuk perkembangan belia-belia dengan pelbagai program yang dirancang serta sistem pendidikan yang terus diperkukuh, insya-Allah hasrat negara untuk melahirkan belia-belia yang berilmu, beriman dan berwawasan akan lebih mudah dicapai.

Namun begitu, kita juga tidak wajar terlepas pandang dengan melupakan peranan institusi keluarga melalui keluarga yang bahagia lagi sempurna. Tidak diragukan lagi adalah mampu untuk mengatasi pelbagai-bagai isu sosial dengan lebih berkesan.

Oleh itu, agensi-agensi kerajaan terutamanya yang bertanggungjawab menangani isu-isu sosial dan kesejahteraan perlulah menumpukan usaha mereka bagi merangka dasar-dasar dan perancangan pengukuhan institusi keluarga itu dan dalam hubungan ini peranan institusi mukim dan kampung yang diterajui oleh Penghulu dan Ketua Kampung juga adalah berkaitan.

Beta amat tidak selesa, kadang-kadang terdengar ada Penghulu atau Ketua Kampung yang mengabaikan anak buah. Mereka itu aktif dan suka kepada kerja-kerja lain tetapi kurang aktif atau tidak suka untuk mengambil tahu dan mendengarkan kesulitan-kesulitan anak buah. Ini jika benar berlaku ianya adalah amat dikesali.

Di samping itu, usaha-usaha juga perlu ditingkatkan untuk menjadi warga kerja negara ini lebih maju dan produktif. Setiap warga dan penduduk perlulah merebut peluang-peluang yang ada disediakan oleh kerajaan. Mereka perlu memperkaya diri terutama di bidang-bidang pengetahuan dan kemahiran. Melalui pelbagai bentuk kemudahan, program dan bantuan yang ditawarkan, Beta tidak nampak mereka itu perlu tercicir dari arus pembangunan negara.

Menyebut lagi keadaan ekonomi semasa, sejak beberapa tahun kebelakangan pelbagai cabaran muncul di sana sini yang mengancam kestabilan ekonomi global. Malah sampai sekarang pakar-pakar masih sukar untuk mencapai kesepakatan, bilakah kemelut ekonomi ini akan berakhir? Hikmah dari kemelut ini, kita mendapat iktibar yang berguna iaitu salah satu punca utama krisis ekonomi ialah hutang.

Orang biasanya menganggap sama ada di peringkat individu, korporat atau negara untuk menutupi sebarang keperluan kewangan adalah dengan jalan berhutang. Tetapi orang kurang ingat bahawa hutang adalah bebanan sama ada disedari atau tidak apabila pinjaman mencapai tahap yang tinggi atau di luar kemampuan untuk mengawalnya, maka pada ketika itu hutang adalah satu petaka besar.

Di sini alhamdulillah, kerajaan Beta dengan limpah kurnia Allah jua masih sahaja mampu untuk terus membiayai keperluan perbelanjaan tanpa berhutang. Namun ini bukanlah bermakna kita tidak perlu untuk menjalani kehidupan yang penuh berhemah.

Lebih-lebih lagi kita juga menyedari bahawa struktur ekonomi negara perlu terus kukuh dan meluas agar sektor bukan minyak dan gas dapat sama-sama menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara secara signifikan.

Kita juga tidak lalai dengan menggalakkan perkembangan sektor swasta melalui komitmen agensi-agensi kerajaan dalam memperbaiki iklim perniagaan di negara ini. Kerajaan adalah mengutamakan dasar-dasar dan prosedur mesra pelanggan atau *customer centric.*

Akhirnya Beta mengharapkan supaya Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara akan dapat bersidang secara objektif dalam merangka isu-isu pembangunan rakyat dan penduduk negara ini.

Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamu ‘Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

TITAH
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SEMPENA
ISTIADAT PEMBUKAAN RASMI MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KESEMBILAN MAJLIS MESYUARAT NEGARA

BERTEMPAT DI
BANGUNAN DEWAN MAJLIS

PADA
HARI KHAMIS, 24 RABIULAKHIR 1434 BERSAMAAN 7 MAC 2013

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Bismillahir Rahmanir Rahim, Alhamdulillahi Rabbil 'Alameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadeen, Wassalaatu Wassalamu'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddun Wa'alaa Aalihiee Wasahbihee Ajma'een Waba'du.

Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua, Majlis Pembukaan Persidangan Musim Permesyuaratan Ke-9 Majlis Mesyuarat Negara dapat diadakan pada hari ini.

Sewajarnya kita wajib bersyukur, kerana Allah telah menjadikan negara kita Brunei Darussalam kekal aman dan makmur, serta rakyat dan penduduk pula menikmati kehidupan yang selesa.

Namun, kita tidak boleh bersikap ambil ringan atau cepat berpuas hati *(complacent)* dalam usaha kita memelihara keamanan dan mengekalkan kemakmuran. Lebih-lebih lagi, sejak lima tahun kebelakangan ini, dunia kita terus dibayangi oleh pergolakan ekonomi global, yang dikhuatiri mungkin dapat menjejaskan kehidupan rakyat dan penduduk, walaupun, pihak Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), pada akhir-akhir ini, telah melahirkan sentimen lebih positif terhadap situasi ekonomi dunia. Namun pada pengamatan Beta, kedudukan fiskal, sistem kewangan dan ekonomi di beberapa buah negara utama dunia masih saja terus bermasalah, masih terus teruji.

Dengan sebab inilah, Kerajaan Beta berhasrat untuk meneruskan dan melipatgandakan lagi usaha-usaha mengukuhkan ekonomi dan pertumbuhannya.

Sebagai salah satu keperluan utama ialah mengembangkan perniagaan dan perdagangan, serta menarik lebih banyak lagi pelaburan asing. Kita juga akan terus mewujudkan persekitaran pelaburan yang kondusif. Industri huluan dan hiliran sektor minyak dan gas juga akan terus dimantapkan selaku penyumbang utama ekonomi kita.

Begitu juga, untuk tujuan menggalakkan pelaburan dalam negara, Beta telah memperkenankan bagi cukai harta pusaka *(Estate Duty)* ditiadakan mulai 1 Januari 2013. Ini, termasuk juga mana-mana cukai harta pusaka yang masih tertunggak, akan turut dihapuskan dari kira-kira.

Manakala kemajuan sektor swasta yang bukan minyak dan gas, akan terus dipermudahkan, sebagaimana berjalan sekarang.

Sementara sumbangan sektor kerajaan pula akan diteruskan, terutama dalam bentuk pembinaan prasarana-prasarana utama. Peruntukan kewangan sebanyak $6.5 bilion ringgit dalam RKN Ke-10, adalah merupakan komitmen yang sangat besar daripada Kerajaan Beta untuk membiayai pelbagai projek pembangunan negara.

Semua ini perlu mendapat perhatian yang serius daripada sekalian Ahli MMN, terutama Ahli-Ahli Yang Dilantik. Mereka itu perlu, untuk memberikan pandangan, sebanyak yang mungkin.

Adalah tidak memadai setakat banyak bertanya sahaja, tanpa memberikan pandangan. Begitu juga tidak memadai setakat menyebut-nyebut jumlah peruntukan yang besar, tanpa melihat apa dan bagaimana ia digunakan dengan berkesan.

Ini semua, tidak dapat disangkal lagi, adalah memerlukan pandangan dan buah fikiran daripada Ahli-Ahli.

Kita percaya, Ahli-Ahli, terutama mereka yang dilantik, tentu saja sudah maklum atau mengetahui bidang-bidang yang dimajukan di dalam perancangan Kerajaan. Maka bersabit itu, tidakkah tepat pada masanya untuk mereka itu mesti sama-sama memberikan pandangan?

Berikanlah pandangan, misalnya: bagaimanakah cara untuk meningkatkan lagi pendidikan, memperbaiki taraf kesihatan, mengatasi pengangguran, memajukan pelaburan, pelancongan, pertanian, perikanan dan alam sekitar? Di dalam bidang-bidang ugama dan undang-undang pula, diperlukan juga pandangan dan buah fikiran, bagaimana cara umpamanya, untuk memperkemas serta melicinkan lagi pelaksanaannya? Begitu juga di bidang sosial, bagaimanakah cara yang berkesan untuk mengatasi dan mengubati penyakit jenayah dan lain-lain penyakit moral?

Pendeknya, bidang-bidang ini adalah sangat luas dan terbuka untuk disebut dan dibincangkan. Jika ada respons baik dan hangat daripada Ahli-Ahli mengenainya, maka barulah ada makna kita bersidang.

Pada hemat Beta, inilah yang ditunggu-tunggu oleh rakyat. Mereka ingin untuk mendengarnya. Mereka suka untuk tahu apa dia perkembangan di dalam negara, melalui projek-projek kerajaan yang telah dan sedang berjalan. Adalah tidak memadai dengan cuma menyebut RKN Ke-10 dengan peruntukannya yang begitu besar, tanpa memberikan gambaran, apa dia projek-projek yang diungkayahkan itu dan bagaimana ia berjalan?

Pada hemat Beta, inilah dia tanggungjawab besar Ahli-Ahli MMN selaku pemimpin akar umbi. Mereka berkewajipan untuk mengetahui selengkapnya semua inisiatif Kerajaan, baik yang telah mahupun yang sedang dilaksanakan, meliputi semua aspek dan bidang: ugama, ekonomi, pendidikan, infrastruktur dan utiliti, keselamatan dan sosial.

Dengan cara ini, Ahli-Ahli MMN, barulah akan dapat dianggap telah memartabatkan Majlis ini selaku institusi yang dihormati. Selaku forum perbincangan, ia diharapkan mampu untuk menghindari perkara-perkara remeh-temeh, dan sebaliknya mengutamakan perkara-perkara besar untuk kebaikan semua lapisan rakyat dan negara.

Akhirnya, Beta berharap, MMN Ke-9 ini akan dapat berlangsung dengan licin dan sempurna serta mampu mencapai objektifnya.

Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamu ‘Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

TITAH
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SEMPENA
ISTIADAT PEMBUKAAN RASMI MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KESEPULUH MAJLIS MESYUARAT NEGARA

BERTEMPAT DI
BANGUNAN DEWAN MAJLIS

PADA
HARI KHAMIS, 4 JAMADILAWAL 1435 BERSAMAAN 6 MAC 2014

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Bismillahir Rahmanir Rahim, Alhamdulillahi Rabbil 'Alameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadeen, Wassalaatu Wassalamu'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddun Wa'alaa Aalihiee Wasahbihee Ajma'een Waba'du.

Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua dapatlah Istiadat Pembukaan Rasmi bagi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-10 Majlis Mesyuarat Negara berlangsung dengan sempurna.

Persidangan Majlis Mesyuarat Negara, sudah 10 tahun bersidang sejak ianya diwujudkan semula. Di dalam tempoh tersebut, banyaklah isu dan persoalan yang timbul untuk dibincang atau dibahaskan.

Namun semenjak tempoh itu, kecenderungan banyak berkisar menimbulkan isu-isu yang berkaitan dengan kemudahan dan kesejahteraan para pegawai dan kakitangan Kerajaan sahaja. Berbanding, cuma sedikit tumpuan diberikan kepada kesejahteraan para pekerja di sektor swasta.

Padahal bagi hemat Beta, melalui perkembangan dan produktiviti di sektor swasta itu, dapat diharapkan untuk menyumbang kepada peningkatan sosio-ekonomi di negara ini.

Atas anggapan inilah, Kerajaan Beta sentiasa melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memperbaiki lagi iklim pelaburan dan perniagaan di negara ini, sambil mempastikan kesejahteraan pekerja-pekerja tempatan di sektor swasta adalah mendapat perhatian sewajarnya. Antara langkah-langkah ke arah itu ialah penubuhan Tabung Amanah Pekerja; Skim Persaraan Caruman Tambahan; pewujudan Skim Tabungan Perumahan dan sebagainya. Malahan, langkah kerajaan juga telah mengemaskinikan dan mengurangkan kadar cukai eksais bagi beberapa kenderaan yang berkapasiti rendah, untuk tujuan mengurangkan kos sara hidup dan juga untuk faedah golongan yang berpendapatan rendah.

Dengan tren perniagaan dan perdagangan dunia hari ini, para belia kita sangatlah perlu meningkatkan diri dari segi kemahiran dan ilmu pengetahuan. Dengan kemahiran dan pengetahuan yang tinggi, insya-Allah, mereka akan menjadi lebih kreatif dan mampu untuk bersaing. Oleh itu, perbahasan di Dewan ini perlulah juga untuk turut memikirkan isu-isu strategik seperti ini.

Dalam hal ini, Beta gembira dengan usaha yang diambil oleh Kementerian Pendidikan dan agensi-agensi lain dalam Kerajaan untuk meningkatkan lagi tahap literasi bisnes kepada para belia dan penuntut dengan menerapkan unsur-unsur *'entrepreneurship'* di dalam kurikulum pendidikan di negara ini. Memang sudah tiba masanya untuk negara melahirkan lebih ramai ahli perniagaan yang berjaya di kalangan anak-anak tempatan.

Negara kita, alhamdulillah, mempunyai *'advantage'* yang sangat unik. *'Advantage'* itu ialah dalam bentuk keamanan dan kesejahteraan yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada kita.

Sewajarnyalah keamanan dan kesejahteraan itu terus dipupuk dan dipelihara demi pembangunan. Kerana tanpa keamanan, pembangunan tidak akan dapat berjalan dengan lancar dan baik.

Kita mustahak membangun tanpa semata-mata bergantung kepada hasil eksport minyak dan gas kita.

Kerana walaupun Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) meramalkan pertumbuhan ekonomi global yang lebih baik bagi tahun 2014, namun masih sahaja terdapat risiko yang boleh menjejaskan ekonomi di mana saja, tidak terkecuali negara-negara di rantau ini.

Bagi Negara kita, pihak Kerajaan akan terus mengukuhkan stabiliti makro-ekonomi, melalui perbelanjaan berhemat yang mengutamakan *'value for money'* dan akauntabiliti. Di samping itu, usaha untuk mempelbagaikan aktiviti perekonomian juga adalah menjadi keutamaan Negara. Maka untuk itu, Perkhidmatan Awam perlulah melipatgandakan usaha bagi menjadikan Negara ini pro bisnes, terutama untuk membantu perusahaan-perusahaan kecil dan sederhana.

Sejak dua tahun kebelakangan ini, pelaksanaan Rancangan Kemajuan Negara Ke-10 adalah berjalan dengan rancaknya. Beta dimaklumkan, bahawa keseluruhan peruntukan Rancangan Kemajuan Negara Ke-10 yang berjumlah $6.5 bilion itu telah pun diagih-agihkan untuk pelbagai projek kemajuan.

Namun pada setiap tahun, perbelanjaan adalah melebihi anggaran peruntukan.

Maka kerana itu, Beta telah pun memperkenankan sokongan Jawatankuasa Tertinggi Rancangan Kemajuan Negara Ke-10 bagi satu tambahan kepada harga rancangan berjumlah $1.65 bilion. Peruntukan tambahan ini adalah untuk membiayai projek-projek baru yang dipohonkan oleh kementerian dan jabatan.

Adalah menjadi dasar Kerajaan Beta untuk terus meningkatkan aktiviti perekonomian di negara ini, termasuk berusaha bagi menarik pelaburan langsung asing.

Bagi maksud tersebut, pihak Kerajaan telah pun menyediakan tapak-tapak yang sesuai untuk pelaburan besar, meliputi bagi kemudahan infrastruktur yang diperlukan.

Bagaimanapun setiap rancangan itu adalah memerlukan pelaksanaan. Jika pelaksanaan itu tersasar atau tidak menepati jangka masa yang ditentukan, maka puncanya hendaklah dikenal pasti dan difikirkan penyelesaiannya.

Dalam hubungan ini, penubuhan satu unit baru telahpun Beta perkenankan di Jabatan Perdana Menteri. Ia akan berperanan bagi mengenal pasti bidang-bidang

utama yang perlu dilaksanakan oleh Kerajaan melalui agensi-agensi tertentu. Ia juga akan bekerjasama dengan agensi-agensi tersebut, dalam merangka perancangan, memantau pelaksanaan dan juga menawarkan khidmat nasihat serta bantuan dari masa ke semasa.

Pada bulan Januari yang baru lalu, kita telah berhadapan dengan cuaca hujan yang turut menjejaskan sebahagian rakyat dan penduduk di Negara ini. Sebagai respons spontan, Kerajaan Beta telah pun menyediakan peruntukan sejumlah $68 juta ringgit, khusus bagi projek-projek mitigasi banjir di kawasan-kawasan yang terjejas. Di samping itu, peruntukan tambahan juga sebanyak $35 juta ringgit, telah disediakan bagi projek-projek membaik pulih prasarana awam dan aset-aset Kerajaan yang rosak akibat banjir dan tanah susur.

Satu lagi projek utama Negara, ialah pelaksanaan Kanun Jenayah Syar'iah. Pelaksanaan undang-undang ini juga adalah satu aspek "kemajuan besar", bukannya seperti yang didakwa oleh setengah pihak sebagai kolot atau berundur ke belakang.

Di sini ingin Beta menyebut tentang 'perpaduan'. Inilah masanya kita orang-orang Brunei perlu mempamerkan perpaduan kita kerana perpaduan itu adalah benteng dan kekuatan semula jadi.

Usahlah dihiraukan sangat apa orang lain kata tentang kita dan Brunei. Kerana mereka itu bukan cukup tahu, sebagaimana kita sendiri tahu tentang diri kita dan Negara sendiri. Tetapi yang penting, kita sendiri selaku orang Brunei, mestilah benar-benar menjadi orang Brunei.

Apabila kita bersatu, maka bersatulah selaku orang-orang Brunei bersatu tanpa mengira apa jua suku kaum dan pegangan. Begitu juga kita bernegara, maka bernegaralah selaku orang-orang Brunei bernegara. Kita berkerajaan, dan kita beraja atau berketua, maka beraja atau berketualah selaku orang-orang Brunei Beraja atau berketua, iaitu dengan penuh ta'at setia tanpa berbelah bahagi.

Inilah tanggungjawab kita semua, atas nama rakyat Brunei Darussalam, iaitu bersatu padu untuk mendukung dan menyokong pelaksanaan Kanun Jenayah Syar'iah. Kepada mereka yang di luar Brunei pula, tolonglah hormati kami, sebagaimana kami menghormati mereka.

Akhirnya, Beta berharap Majlis Mesyuarat Negara Musim Ke-10 ini akan dapat berlangsung dengan licin dan sempurna serta mampu untuk mencapai objektifnya.

Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

TITAH
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SEMPENA
ISTIADAT PEMBUKAAN RASMI MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KESEBELAS MAJLIS MESYUARAT NEGARA

BERTEMPAT DI
BANGUNAN DEWAN MAJLIS

PADA
HARI KHAMIS, 14 JAMADILAWAL 1436 BERSAMAAN 5 MAC 2015

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Bismillahir Rahmanir Rahim, Alhamdulillahi Rabbil 'Alameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadeen, Wassalaatu Wassalamu'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddun Wa'alaa Aalihiee Wasahbihee Ajma'een Waba'du.

Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua, dapatlah kita berkumpul di Majlis Istiadat Pembukaan Rasmi bagi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara pada hari ini.

Beta terlebih dahulu ingin mengucapkan tahniah kepada Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, di atas pelantikannya sebagai Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara yang baru.

Beta berharap Yang Di-Pertua Majlis akan dapat menjalankan tugas dan tanggungjawabnya sebaik mungkin, demi mempertingkatkan lagi martabat Majlis Mesyuarat Negara dalam melaksanakan peranannya sebagai sebuah institusi penting dalam pembangunan negara.

Di kesempatan ini juga, Beta juga ingin merakamkan penghargaan kepada Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, di atas khidmat bakti, tenaga dan buah fikiran yang telah disumbangkannya selama menjadi Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara.

Majlis Mesyuarat Negara, tidak syak lagi, berperanan besar dalam memacu pembangunan negara.

Menyebut Majlis Mesyuarat Negara, dengan sendirinya, kita juga akan mahu tahu siapakah ahli-ahlinya. Mereka ini tentu saja tokoh-tokoh yang berkaliber, yang mampu untuk mengetengahkan pendekatan-pendekatan terbaik untuk pembangunan.

Di antara pendekatan itu ialah penyerapan *'positive mindset'* kepada rakyat, supaya mereka lebih matang bertindak, selaras dengan tuntutan zaman.

Ahli Majlis yang berpandangan jauh, kita yakin, akan dapat menghidangkan 'idea-idea besar' mereka untuk kemajuan negara.

Penghijrahan *mindset,* daripada semata-mata suka bergantung kepada bantuan kepada lebih berdikari dan berusaha adalah suatu kelebihan yang perlu dihuraikan oleh Majlis ini.

Kita adalah dikehendaki peka dengan situasi yang ada hari ini, khasnya dalam perkara ekonomi global yang sedang menunjukkan penurunan ketara, seperti harga minyak yang jauh merudum. Situasi ini sepatutnya akan menambahkan lagi keazaman kita untuk lebih memperkukuh asas-asas atau *fundamental* ekonomi negara.

Di antara usaha pengukuhan itu, termasuklah memperkasa sektor awam dengan menjadikannya lebih berkesan dan berkualiti di dalam perkhidmatan untuk orang ramai. Demikian juga, ia sangat diperlukan untuk merangsang iklim perniagaan dan perekonomian yang lebih kondusif.

Dari aspek kewangan, kita juga perlu mengekalkan dasar kestabilan fiskal atau *'fiscal stability'* terutamanya dalam mempertimbangkan peruntukan kewangan dan perbelanjaan negara yang menitikberatkan perbelanjaan berhemah dan *'value for money'.* Dengan amalan seperti ini insya-Allah, akan membolehkan negara menjimatkan perbelanjaan dan mampu untuk menabung lebihan pendapatan bagi menampung peruntukan-peruntukan di saat yang memerlukan.

Perkara ini juga perlu berlaku dalam pengurusan perbelanjaan di peringkat individu dan keluarga.

Di bidang pekerjaan pula, perhatian perlulah bulat untuk menggerakkan anak-anak tempatan bagi mengisi peluang-peluang yang ada, kita mesti mengkaji dengan saksama, di mana dan berapa lama lagi anak-anak tempatan kita harus tercicir tidak diberi kesempatan untuk memenuhi peluang-peluang yang ada itu? Di sektor industri yang menjadi nadi ekonomi negara, berapa banyak peluang atau jawatan penting yang masih dimonopoli oleh pekerja-pekerja asing, sekalipun kita telah melalui masa yang begitu panjang. Ini semua, tidak patut dipandang dengan sebelah mata sahaja, tetapi perlu dipantau dan dimuhasabah.

Beta melihat, perkara ini juga turut memerlukan perhatian Majlis.

Satu lagi bidang yang penting untuk diberikan perhatian ialah bidang keusahawanan. Ia mustahak seimbang dalam makna, ia tidak boleh diceburi hanya oleh segelintir pihak tertentu sahaja tetapi biarlah ramai, kerana ramai itu menterjemahkan adanya kemajuan.

Para usahawan mesti bergerak mengembangkan perniagaan dan industri masing-masing. Tanpa terhenti setakat tangga pertama sahaja, tetapi perlu mendakinya sehingga sampai ke puncak.

Semua ini Beta timbulkan ialah bagi menarik perhatian Majlis, supaya tetap fokus kepada perkara-perkara besar dan mencabar, bukannya yang membawa kita leka dan lemah.

Akhirnya, Beta menyeru kepada semua pihak yang berkenaan, supaya dalam memeduli semua permasalahan rakyat dan penduduk, kita hendaklah mengambil perspektif yang benar-benar diyakini dapat menolong memajukan mereka.

Apa jua isu atau permasalahan, kita tangani ia dengan baik, melalui perundingan.

Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamu ‘Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

TITAH
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SEMPENA
ISTIADAT PEMBUKAAN RASMI MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KEDUA BELAS MAJLIS MESYUARAT NEGARA

BERTEMPAT DI
BANGUNAN DEWAN MAJLIS

PADA
HARI SABTU, 25 JAMADILAWAL 1437 BERSAMAAN 5 MAC 2016

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Bismillahir Rahmanir Rahim, Alhamdulillahi Rabbil 'Alameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadeen, Wassalaatu Wassalamu'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddun Wa'alaa Aalihiee Wasahbihee Ajma'een Waba'du.

Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua, dapatlah kita berkumpul sekali lagi di Istiadat Pembukaan Rasmi bagi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 Majlis Mesyuarat Negara 2016 pada hari ini.

Beta gembira mengikuti perkembangan persidangan sejauh ini yang telah memainkan peranannya dengan baik. Beta ingin mengulangi lagi betapa pentingnya, perbincangan memfokus perkara-perkara strategik yang membawa impak kepada negara, sesuai dengan namanya permesyuaratan Majlis Mesyuarat Negara.

Janganlah semua isu hanya dibincangkan dan dibahas, tanpa adanya susulan pelaksanaan. Kita juga perlu melihat apa yang sudah dicapai. Jika belum, bermakna, kita masih memerlukan tindakan pembaikan.

Pendek kata, apa jua perancangan dan inisiatif adalah perlu untuk mengambil pendekatan *Delivery* atau *Delivery Approach* untuk mencapai hasil yang dihasratkan.

Untuk itu, sangat perlu bagi ahli-ahli mempunyai pandangan yang jauh dan cepat ke hadapan. Mereka perlu mengambil langkah-langkah mitigasi dan membuat persediaan sewajarnya sebelum didatangi oleh sebarang persoalan.

Beta juga sukacita ingin mendengar saranan-saranan atau buah fikiran Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik mengenai cara-cara mengurangkan kebergantungan kepada sumber minyak dan gas. Begitu juga bagaimana negara dapat menjana pendapatan dan kerajaan menjadi rakan kongsi dalam meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara dan rakyat?

Saranan-saranan mahupun buah fikiran dan soalan-soalan, hendaklah dibuat bukan atas kepentingan diri sendiri atau hanya mendengar dari satu pihak sahaja tanpa membuat kajian mendalam mengenainya. Jika ini berlaku, ia boleh saja menjadi perkara yang kurang signifikan dan tidak strategik untuk dibawa ke Dewan ini.

Perhatian perlu diberikan, bagaimana memperkasa ekonomi oleh kerajaan sendiri, termasuk bagi sektor swasta. Pada setakat ini, dasar kerajaan ialah memperkasa

sektor swasta. Kerajaan telah mengambil langkah-langkah konkrit untuk membantu memperbaiki persekitaran perniagaan. Ini termasuk infrastruktur perundangan yang *pro-business.* Misalnya pendaftaran syarikat perniagaan sekarang, sudah boleh dibuat secara *online* dalam tempoh hanya satu hari sahaja, sementara lesen perniagaan pula tidak diperlukan lagi bagi sebahagian jenis perniagaan.

Juga dengan adanya Pusat Perusahaan Kecil dan Sederhana, adalah diharapkan perusahaan-perusahaan tempatan yang berskala kecil dan sederhana akan dapat berkembang maju sehingga ke peringkat antarabangsa. Sudah tiba masanya kita mengubah strategi perusahaan daripada hanya semata-mata mencapai sara diri atau *self-sufficient* kepada berasaskan eksport.

Kita sudah ada rangkaian-rangkaian pemangkin serantau dan antarabangsa, seperti BIMP-EAGA, ASEAN, APEC dan baru-baru ini TPP bagi membantu menjana pertumbuhan ekonomi. Apa yang tinggal ialah, usaha-usaha mantap ke arah kejayaan. Kita perlu cekal merebut peluang-peluang yang ada.

Kerana itu, Beta menyeru supaya para pengusaha tempatan dapat berdaya saing untuk meraih kejayaan melalui peluang-peluang yang sedia ada. Bukan sahaja bagi merebut peluang yang ada dalam negara, malah lebih jauh peluang-peluang serantau dan antarabangsa.

Alhamdulillah, Pelaburan Langsung Asing (FDI) telah mula beroperasi di negara ini, dan terdapat beberapa lagi pelaburan baru yang masih dalam penelitian. Oleh itu, usaha-usaha untuk memudahcara aktiviti perekonomian negara, perlulah terus dipertingkat dan diperkemaskan.

Pada hemat Beta, kita masih boleh dan mampu untuk melakukan yang terbaik, dengan syarat, kita tidak mengambil sikap mudah berpuas hati dengan pencapaian-pencapaian yang ada.

Di bidang kewangan, sungguhpun negara masih mampu menyediakan sejumlah peruntukan bagi pembangunan negara dan operasi kerajaan, namun kita mesti mengambil sikap berhemat dalam berbelanja, dengan cara lebih melihat kepada keperluan dan keutamaan.

Akhir kalam, Beta menyeru kepada Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara supaya dapat meneruskan serta melipatgandakan usaha masing-masing dalam memeduli permasalahan rakyat dan penduduk negara ini, sama ada mereka yang bermastautin di kawasan bandar mahupun di kawasan-kawasan luar bandar. Apa jua permasalahan itu, perlu ditangani dengan baik dan sempurna dengan jalan berunding. Semoga usaha-usaha yang kita buat akan menghasilkan buah yang baik dan ranum untuk semua.

Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamu ‘Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

TITAH
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SEMPENA
ISTIADAT PEMBUKAAN RASMI MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KETIGA BELAS MAJLIS MESYUARAT NEGARA

BERTEMPAT DI
BANGUNAN DEWAN MAJLIS

PADA
HARI ISNIN, 7 JAMADILAKHIR 1438 BERSAMAAN 6 MAC 2017

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Bismillahir Rahmanir Rahim, Alhamdulillahi Rabbil 'Alameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadeen, Wassalaatu Wassalamu'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddun Wa'alaa Aalihiee Wasahbihee Ajma'een Waba'du.

Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dapat pula bersama-sama di Majlis Istiadat Pembukaan Rasmi bagi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara pada hari ini.

Beta terlebih dahulu mengucapkan tahniah kepada ahli-ahli di atas pelantikan semula dan juga Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara yang baharu dilantik.

Beta juga ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada bekas-bekas Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara di atas sumbangan mereka di dalam persidangan-persidangan majlis yang lalu.

Beta berharap, dengan pelantikan ahli-ahli baharu akan membawa kesan yang baik dan positif kepada persidangan ini. Beta percaya ahli-ahli akan dapat menanai tanggungjawab yang diamanahkan dengan penuh ikhlas dan jujur serta bersikap terbuka dan bebas dalam memberikan apa jua pandangan.

Dalam persidangan inilah, ahli-ahli akan berpeluang untuk membincang atau membahas isu-isu yang dianggap mustahak. Di antara isu mustahak itu ialah yang berkaitan dengan ekonomi.

Kita semua sudah sedia maklum, bahawa keadaan ekonomi dunia terus mengalami ketidaktentuan. Walaupun pada akhir-akhir ini, harga minyak dunia menunjukkan tanda-tanda positif. Namun begitu, kita masih saja perlu terus berwaspada kerana harga minyak dunia dijangka berada pada paras yang rendah tanpa mungkin dianggarkan tempohnya. Maka kerana itu, kerajaan Beta perlu terus giat untuk mempelbagaikan ekonomi negara.

Alhamdulillah, sejak kebelakangan ini, usaha ke arah ini, sudah mula menampakkan kesan, walaupun hasilnya yang diraih masih memerlukan masa.

Dari segi pelaburan, kita mula mendapati banyak pelabur-pelabur asing telah memberikan perhatian mereka terhadap potensi negara sebagai destinasi pelaburan yang berdaya maju.

Beberapa Projek Pelaburan Langsung Asing akan memulakan operasi mereka. Sementara ada juga yang sudah di tahap pelaksanaan. Sedang beberapa cadangan pelaburan baharu, lagi masih dalam penelitian.

Perkembangan ini, tentunya positif. Ia bukan saja dari sudut pengukuhan ekonomi, malahan juga kesan impaknya akan dapat kita perolehi.

Dari peningkatan aktiviti ekonomi, akan membawa lebih banyak lagi wujudnya peluang-peluang pekerjaan dan perniagaan untuk warga tempatan. Namun dengan perkembangan ini, janganlah pula kita cepat-cepat berpuas hati. Tetapi usaha pembaharuan adalah masih perlu diteruskan, kerana transformasi ekonomi memerlukan perancangan jangka panjang.

Matlamat kita ialah untuk menjadikan negara ini sebagai destinasi perdagangan dan pelaburan yang menarik.

Selaras dengan ini, Beta telah pun memperkenankan untuk diwujudkan Zon Perdagangan Bebas *(Free Trade Zone).* Dengan wujudnya zon ini akan memudahkan lagi aktiviti pelaburan, terutama dalam sektor pembuatan.

Satu lagi keutamaan Kerajaan Beta ialah meningkatkan nilai dan prestasi syarikat-syarikat berkaitan kerajaan *GLCs.* Syarikat-syarikat ini termasuk syarikat-syarikat yang ditubuhkan melalui usaha sama dengan pelabur-pelabur asing akan mampu untuk menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara, khasnya di sektor bukan minyak dan gas.

Di samping itu sektor swasta juga akan terus diberi keutamaan untuk membina keupayaan dalam aktiviti-aktiviti perusahaan mikro, kecil dan sederhana (MSME). Selaras sebagai usaha menyediakan asas yang kukuh bagi perkembangan, perusahaan mikro, kecil dan sederhana ini, Beta telah pun memperkenankan penubuhan *SME Bank.* Penubuhan bank ini dapatlah diharapkan untuk menyediakan kemudahan pinjaman kewangan yang mudah *(accessible financing),* bagi mendukung aktiviti-aktiviti perniagaan di negara ini. Bank ini akan beroperasi berdasarkan konsep Syariah *(Shariah-Compliant).*

Apa pun rancangan semuanya turut bergantung kepada sumber tenaga manusia. Inilah masalah kita di Brunei, sumber tenaga tempatan masih sahaja bermasalah.

Di samping masalah terlalu memilih kerja, juga jadi masalah ialah sudah dapat kerja di sektor swasta tetapi tidak kekal lama hanya sebulan atau seminggu dua sahaja sudah berhenti. Balik semula memilih jadi penganggur.

Berkaitan ini, Beta telah memperkenankan satu Program *Apprenticeship* untuk mewujudkan khusus bagi graduan-graduan yang masih mencari pekerjaan. Program ini akan dilancarkan pada bulan April 2017, insya-Allah. Ia akan dikenali sebagai Program I-Ready, khusus sebagai platform bagi para graduan memasuki alam pekerjaan sama ada di sektor swasta atau sektor awam.

Menyentuh mengenai keperluan tenaga manusia, penyediaan asas ilmu pengetahuan adalah utama. Maka ke arah ini, pencapaian penuntut-penuntut peringkat sekolah rendah sehingga ke peringkat menengah adalah perlu untuk diberikan penekanan. Maka untuk itu agensi-agensi berkenaan perlulah merangka perancangan yang *actionable* dan *realistic* serta *cost effective* agar semua isu dapat ditangani secara berkesan dalam jangka masa pendek, sederhana dan panjang.

Juga perlu diambil perhatian bahawa pendidikan masa kini tidak hanya terhad di bilik-bilik darjah sahaja tetapi banyak ilmu, maklumat dan kemahiran boleh diperolehi melalui penggunaan teknologi, internet yang boleh diakses dengan mudah dan cepat.

Namun dalam keghairahan memanfaatkan teknologi canggih ini kita juga dikehendaki supaya jangan lalai dari anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab yang menggunakan teknologi untuk tujuan-tujuan keburukan termasuk penggunaan media sosial untuk menyebarkan berita-berita palsu dan fitnah.

Semua ini boleh mengundang kepada bencana, kita berharap semua pihak perlu turut menyedari dan mengambil perhatian serius mengenainya.

Akhirnya, Beta berharap persidangan Majlis Mesyuarat Negara tahun ini akan memberikan lebih tumpuan kepada perkara-perkara strategik untuk mengukuhkan lagi kemajuan sosio-ekonomi negara.

Ahli-Ahli Yang Berhormat juga diharapkan dapat mengemukakan pandangan-pandangan dan saranan-saranan bernas tanpa takut-takut atau ragu-ragu untuk kepentingan masyarakat dan negara.

Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamu ‘Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

TITAH
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SEMPENA
ISTIADAT PEMBUKAAN RASMI MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KEEMPAT BELAS MAJLIS MESYUARAT NEGARA

BERTEMPAT DI
BANGUNAN DEWAN MAJLIS

PADA
HARI ISNIN, 17 JAMADILAKHIR 1439 BERSAMAAN 5 MAC 2018

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Bismillahir Rahmanir Rahim, Alhamdulillahi Rabbil 'Alameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadeen, Wassalaatu Wassalamu'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddun Wa'alaa Aalihiee Wasahbihee Ajma'een Waba'du.

Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya dapatlah kita berkumpul di Majlis Istiadat Pembukaan Rasmi bagi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Keempat Belas Majlis Mesyuarat Negara pada hari ini.

Beta berharap majlis akan dapat bersidang dengan ahli-ahli semua dapat mengemukakan buah fikiran serta seterusnya mencadangkan perkara-perkara yang dapat membawa perubahan-perubahan besar kepada negara.

Di mana-mana sahaja terdapat kecenderungan orang bercakap mengenai ekonomi. Maka kita pun demikian juga sangat mengambil berat bidang ekonomi itu.

Sebagai sebuah negara yang masih bergantung kepada hasil minyak dan gas, Negara Brunei Darussalam perlu terus aktif mempelbagaikan ekonomi. Ini adalah wajar, berdasarkan harga minyak dunia sering sahaja dilihat tidak menentu.

Walaupun permintaan global meningkat dan harga minyak mulai pulih pada kadar yang menggalakkan, namun pertumbuhan ekonomi tetap sahaja diramal masih berada pada paras yang rendah.

Lalu kerana itu, kita tetap perlu untuk terus mengawal imbangan fiskal negara dalam jangka masa pendek dan panjang.

Tetapi ini sahaja tidak memadai. Langkah berjimat memang baik dan terpuji, tetapi semata-mata berjimat tanpa ada usaha ke arah pertumbuhan adalah salah satu sikap yang tidak diterima. Di samping berjimat, kita juga mesti menggembleng tenaga bagi pertumbuhan secara besar-besaran Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Brunei perlu meneroka bidang yang tidak dapat diabaikan lagi. Pastikan ianya ditangani dengan berkesan sehingga berhasil. Beta sudahpun menyebut berkali-kali bidang pertanian. Bidang ini sangatlah mendesak untuk digerakkan. Bukan bergerak ikut *mood,* tetapi bergerak demi keperluan. Negara adalah sangat-sangat memerlukan.

Sudah sampai masanya untuk Brunei berdikari dalam permakanannya, khasnya berdaya upaya untuk menyara diri sendiri dengan makanan asasi iaitu beras. Usahakan ia sampai berhasil.

Berbalik lagi mengenai sumber minyak dan gas. Tidaklah cukup setakat berbangga mempunyai sumber ini. Tetapi yang penting ialah pengurusannya. Cara kita mengurusnya.

Pengurusan adalah segala-galanya. Penemuan sumber minyak di negara ini telah pun mencecah umur hampir satu abad. Dalam usianya yang sepanjang itu, orang-orang Brunei sepatutnya sudah lebih matang dalam pengurusan. Tetapi malang, kenyataannya masih tidak sampai ke tahap itu, bahkan masih terlalu jauh daripada apa yang diharapkan.

Adapun untuk mendapatkan khidmat konsultan atau pekerja luar adalah sesuatu yang biasa diamalkan. Tetapi ini, bukanlah bererti untuk selama-lamanya. Sedang konsep belajar dan menimba pengalaman tetap terbuka kepada anak-anak tempatan, tetapi ia lambat untuk berhasil, sehingga setakat untuk menduduki jawatan Pengarah Urusan pun kita susah apatah lagi jawatan-jawatan yang lebih tinggi.

Beta mahu supaya perkara ini dikaji. Beta kurang yakin anak-anak tempatan kita tidak mempunyai kebolehan langsung, berdasarkan kalau orang lain mengapa kita tidak boleh? Dan kalau orang lain boleh mendapat ilmu dan pengalaman mengapa kita tidak?

Beta ragu selama ini kita mungkin sahaja salah pasang ‘skru’ makanya kita mesti mencari apa yang salah itu dan membetulkannya.

Pembangunan tidak akan berjalan lancar sekiranya peraturan dan undang-undang tidak dilaksanakan dengan sempurna. Kerana itu langkah menguatkuasakan peraturan dan undang-undang amatlah perlu.

Adalah tidak wajar untuk selalu-selalu ketirisan dalam melaksanakan sebarang undang-undang atau peraturan.

Dalam Sidang Kabinet baru-baru ini, Beta ada menyebut mengenai pembersihan Brunei daripada sampah dan kotoran. Beta diberitahu, bahawa akta mengenainya sudah pun sedia ada dengan peruntukan denda tertentu. Mana-mana orang atau syarikat didapati membuang sampah di tempat awam boleh dikenakan denda kompaun tidak melebihi lima ratus ringgit, kerana itulah ada orang yang didenda cuma seratus atau dua ratus ringgit sahaja.

Kita masih belum pasti tentang kesempurnaan pelaksanaan akta ini, selain juga masih meragui, adakah denda sebanyak seratus atau dua ratus ringgit itu mampu untuk memberikan pengajaran kepada masyarakat, khasnya kepada para pesalah yang berkenaan?

Begitu juga seperti Akta Rokok dan lain-lain, adakah ia sudah benar-benar dikuatkuasakan atau masih sahaja berlaku ketirisan menanganinya? Semua ini memerlukan perhatian dan kajian oleh pihak-pihak yang berkaitan.

Kita tidak mahu orang mempersendakan akta kerana kelemahan kita. Ada akta sahaja belum memadai tanpa ianya didaulatkan melalui perlaksanaan. Pelaksanakanlah ‘harga’ bagi sesuatu akta itu.

Beta ingin melihat, di dalam Dewan yang mulia ini, semua ahli akan terlibat memberikan pendapat atau pandangan tanpa takut-takut atau ragu-ragu demi kebaikan bersama dan negara.

Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamu ‘Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

TITAH
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SEMPENA
ISTIADAT PEMBUKAAN RASMI MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KELIMA BELAS MAJLIS MESYUARAT NEGARA

BERTEMPAT DI
BANGUNAN DEWAN MAJLIS

PADA
HARI KHAMIS, 30 JAMADILAKHIR 1440 BERSAMAAN 7 MAC 2019

Bismillahir Rahmanir Rahim, Alhamdulillahi Rabbil 'Alameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadeen, Wassalaatu Wassalamu'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddun Wa'alaa Aalihiee Wasahbihee Ajma'een Waba'du.

Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua dapatlah kita berkumpul di Majlis Istiadat Pembukaan Rasmi bagi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kelima Belas Majlis Mesyuarat Negara pada hari ini.

Beta berharap majlis akan dapat bersidang dengan lancar dengan ahli-ahli dapat menyumbangkan buah fikiran yang bermanfaat untuk negara.

Persidangan selama beberapa minggu ini hendaknya mampu untuk mengetengahkan perkara-perkara strategik demi kesejahteraan rakyat dan penduduk.

Antara agenda utama dalam persidangan ini ialah ahli-ahli majlis akan membahaskan Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Negara untuk Tahun Kewangan 2019/2020.

Beta penuh yakin peruntukan-peruntukan yang disediakan adalah benar-benar menepati keperluan negara. Semua program dan inisiatif yang dirancang tidak lain bertujuan untuk meningkatkan lagi kualiti kehidupan rakyat.

Maka sehubungan ini, sistem pentadbiran perlulah diperkukuh termasuk dasar-dasar dan peraturan-peraturan juga sentiasa dikemas kini supaya lebih telus dan berkesan.

Beta mengambil maklum Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara khasnya mereka yang dilantik telah mengadakan permuzakarahan dengan kementerian-kementerian, termasuk mengadakan lawatan-lawatan bagi mengetahui secara lebih dekat akan kedudukan projek-projek yang telah dilaksanakan oleh kerajaan sama ada melalui Pelaburan Langsung Asing (FDI), *Public-Private Partnership* (PPP), syarikat-syarikat swasta dan syarikat-syarikat yang berkaitan dengan kerajaan (GLCs).

Dalam hubungan ini, Beta ingin menasihatkan Ahli-Ahli Yang Berhormat supaya jangan mengemukakan soalan-soalan yang sudah pun pernah dibincangkan berulang kali tetapi berbincanglah mengenai perkara-perkara baharu seperti bagaimana menjana ekonomi dengan cara merancakkan lagi aktiviti-aktiviti mempelbagaikannya selaras dengan hasrat membina masa depan bangsa khasnya generasi muda.

Bercakap mengenai generasi, kita semua sedia maklum bahawa golongan belia adalah aset negara. Selaku ianya jentera pembangunan. Oleh itu, kementerian yang berkenaan hendaklah memastikan bahawa para belia itu diberikan suntikan semangat untuk meneruskan agenda pembangunan tanpa bosan-bosan.

Ini sesuai dengan kepesatan teknologi yang membawa perubahan besar dalam kehidupan termasuk kemajuan industri digital yang memfokus kepada *internet of things, artificial intelligence* dan seumpamanya di mana *Fourth Industrial Revolution* akan menjadi salah satu agenda utama dalam memperkasa masyarakat khasnya masyarakat penuntut, peniaga dan pihak kerajaan sendiri termasuk akan mengubah landskap kehidupan seharian.

Meliputi pihak pengusaha, mereka juga perlu untuk mengambil kesempatan dari *Digital Economy* sambil meraih peluang dari perdagangan tanpa sempadan.

Menyentuh tentang ekonomi, Negara Brunei Darussalam tidak ketinggalan membina persekitaran yang kondusif di peringkat antarabangsa dengan menyertai beberapa perjanjian perdagangan bebas dengan rakan-rakan serantau dan antarabangsa bagi memberi peluang pasaran di negara-negara berkenaan.

Insya-Allah, tidak lama lagi negara akan memuktamadkan rundingan *Regional Comprehensive Economic Partnership* (RCEP) iaitu satu perjanjian kerjasama ekonomi di antara negara-negara ASEAN dan enam negara lain yang terdiri daripada Australia, China, India, Jepun, Korea dan New Zealand yang akan membuka pasaran perniagaan kepada lebih 3 bilion penduduk.

Dalam hubungan ini, peniaga-peniaga tempatan wajarlah memanfaatkan kesempatan dari perjanjian-perjanjian tersebut dengan menaik taraf kualiti produk dan meningkatkan daya saing masing-masing yang tentunya secara tidak langsung dapat menyumbang kepada hasrat negara mempelbagaikan ekonomi. Ini bertepatan dengan keperluan negara mempunyai *industry roadmap* bagi kelangsungan ekonomi dan industri.

Bagaimanapun, kita sedikit rimas apabila sejak beberapa tahun kebelakangan ini pertumbuhan KDNK adalah kurang memberangsangkan berikutan dengan harga minyak global jatuh sedangkan sebahagian besar dari pendapatan negara bergantung kepada hasil minyak dan gas. Namun, Alhamdulillah, terdapat sektor-sektor bukan minyak dan gas telah menunjukkan pertumbuhan positif seperti sektor perkhidmatan. Ini sudah barang tentu memerlukan *Whole of Nation Approach,* kerana jika jentera pentadbiran paling hadapan yang dibarisi oleh jemaah Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Tetap dan pegawai-pegawai kanan kerajaan tidak menunjukkan kerjasama dan kesepakatan padu dalam merealisasikan Wawasan Negara, maka sudah pasti segala perancangan yang dibuat akan menjadi sia-sia.

Dalam fenomena berkaitan, kita terus bimbang dengan kadar pengangguran yang kian meningkat. Ini tidak boleh dipandang ringan, kerana itu Beta mahu supaya ia dikaji dan dicari jalan penyelesaian sama ada dalam jangka pendek mahupun jangka panjang, termasuk turut dikenal pasti ialah sejauh manakah sumber tenaga manusia dari pusat-pusat pengajian tinggi tempatan mahupun luar negara yang *marketable* dan relevan dengan situasi masa kini.

Ini juga adalah sebahagian dari kebajikan rakyat yang mesti diutamakan.

Menyebut kebajikan rakyat ini, turut terkandung ialah bantuan-bantuan dan subsidi-subsidi yang telah dihulurkan hendaknya, ia dilaksanakan dengan teratur supaya tidak berlaku ketirisan atau penyalahgunaan di kalangan penerima.

Akhir sekali, Beta berharap Persidangan Majlis Mesyuarat Negara pada tahun ini akan dapat memberikan lebih tumpuan kepada perkara-perkara strategik bagi mengukuhkan lagi pencapaian-pencapaian negara. Ahli-Ahli Yang Berhormat juga diharapkan akan dapat mengemukakan pandangan-pandangan dan saranan-saranan di dalam semua bidang yang menjadi tanggungjawab kepada kerajaan tanpa tertentu kepada perkara ekonomi semata-mata.

Beta ucapkan selamat bersidang.

Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamu ʻAlaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

TITAH
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SEMPENA
ISTIADAT PEMBUKAAN RASMI MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KEENAM BELAS MAJLIS MESYUARAT NEGARA

BERTEMPAT DI
BANGUNAN DEWAN MAJLIS

PADA
HARI ISNIN, 14 REJAB 1441 BERSAMAAN 9 MAC 2020

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Bismillahir Rahmanir Rahim, Alhamdulillahi Rabbil 'Alameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadeen, Wassalaatu Wassalamu'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddun Wa'alaa Aalihiee Wasahbihee Ajma'een Waba'du.

Alhamdulillah, kita merafakkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua dapatlah kita berkumpul jua di Majlis Persidangan bagi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keenam Belas Majlis Mesyuarat Negara.

Harapan kita sangatlah tinggi untuk melihat Majlis Mesyuarat Negara menjadi wadah strategik bagi memikir dan membahas perkara-perkara yang diperlukan oleh rakyat dan negara.

Apa jua usul dan hujah yang dikemukakan dalam persidangan hendaklah berasaskan kepada pemikiran dan penelitian yang rapi disokong oleh fakta-fakta yang betul dan tepat dan memfokus hanya kepada isu-isu yang relevan.

Pada pengamatan Beta, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara tahun demi tahun masih sahaja memerlukan pemerkasaan, kerana kedapatan sesetengah Ahli Yang Dilantik cuma lebih banyak bertanya dari memberi buah fikiran ini menjadikan perbahasan kurang menarik.

Situasi ekonomi dunia pada hari ini didapati sebagai tidak menentu. Namun, Alhamdulillah, negara kita masih saja mampu untuk mencatatkan kadar pertumbuhan yang menggalakkan di samping juga dapat menikmati beberapa pembaharuan di segi infrastruktur mahupun yang berbentuk dasar.

Ketidaktentuan itu digawatkan lagi oleh pergolakan geopolitik dunia yang tidak berkesudahan kemudian secara mendadak, pasaran kewangan dunia pula terutama di rantau Asia mengalami masalah teruk akibat penularan wabak COVID-19. Kesan daripada wabak ini telah menjejaskan perkembangan dan pertumbuhan ekonomi di kebanyakan negara di dunia, termasuk menjadi sebab kurangnya permintaan minyak dan gas dunia yang secara automatik menjadikan harga kedua-dua komoditi ini jatuh.

Ini boleh menyebabkan negara mengalami defisit setelah mencatat lebihan baki fiskal pada Tahun Kewangan 2018/2019. Namun kita tetap bersyukur kerana negara ditakdirkan bebas daripada wabak yang menggerunkan ini. Kita berharap Negara

Brunei Darussalam akan terus mendapat perlindungan Allah daripada serangan virus COVID-19.

Pada hemat Beta, ini adalah kerana berkat Brunei sentiasa menghayati doa, di masjid-masjid kita berdoa, di rumah-rumah kita berdoa dan di majlis-majlis kita berdoa. Pendeknya Brunei Darussalam adalah cukup makmur dengan doa. Maka Beta berharap supaya kita meneruskan amalan berdoa sebagai budaya bangsa.

Turut juga disyukuri kerana sepanjang tahun 2019 kerajaan Beta masih dapat meraih beberapa pencapaian yang signifikan, antaranya transformasi Sektor Telekomunikasi yang mampu bertindak meningkatkan inovasi untuk mengubah landskap ekonomi negara ke arah era digital *"The Fourth Industrial Revolution"* melalui penubuhan Syarikat Unified National Network Sendirian Berhad, Syarikat UNN yang 100% dipunyai oleh kerajaan Beta.

Berkaitan dengan sumber tenaga manusia pula, Beta telah memperkenankan bagi *Manpower Planning and Employment Council* (MPEC) ditempatkan di Jabatan Perdana Menteri bagi memikirkan langkah-langkah berkesan ke arah meningkatkan peluang-peluang pekerjaan dan menangani isu pengangguran.

Dasar-dasar yang ada juga mustahak diteliti, misalnya yang berkaitan dengan kemasukan pekerja-pekerja asing, halangan atau proses yang boleh menyekat komuniti bisnes dari berkembang, mengadakan latihan-latihan bagi membantu pencari-pencari pekerjaan, mereviu *syllabus* yang berkaitan dengan program latihan, mereviu proses mempercepatkan pengisian jawatan-jawatan kosong dalam perkhidmatan awam dan lain-lain.

Beta juga telah memperkenankan penubuhan Autoriti Kemajuan Daerah Temburong bagi tujuan menjana aktiviti perekonomian serta meningkatkan kualiti kehidupan rakyat dan penduduk di daerah ini.

Mengenai dengan perbelanjaan kerajaan, kita menyedari bahawa perbelanjaan itu terus sahaja meningkat tahun demi tahun. Oleh itu, setiap agensi kerajaan dikehendaki supaya berhati-hati dalam menggunakan peruntukan yang telah disediakan.

Perlu diingati hasil pendapatan yang banyak tidaklah semestinya mampu untuk menjamin kestabilan dan kekukuhan kewangan andainya hasil itu tidak diurus dengan betul dan cekap. Tetapi dengan adanya amalan berhemah dan usaha-usaha mempelbagaikan ekonomi maka insya-Allah kita akan dapat mengukuhkan kestabilan makroekonomi dan kedudukan kewangan negara.

Dalam pada itu, sangatlah penting diingat mengenai cara penggunaan wang kerajaan. Cara ini mesti benar-benar telus dan amanah. Jangan mentang-mentang wang kerajaan kita pun secara sewenang-wenang membuat projek walaupun projek itu kurang penting atau memang ada kecenderungan berbelanja besar sebab peruntukan dari kerajaan. Atau mungkin juga di sebalik peruntukan besar itu berlaku sandiwara pintu belakang dengan pihak-pihak tertentu di luar kerajaan dan lebih malang lagi kalau hanya pandai membuat projek sedang pengawasan terhadap kerja-kerja projek sangat lemah sehingga apabila siap projek itu didapati banyak kerosakan atau kekurangan berlaku.

Mengapa ini terjadi? Pertama, kerana pengawasan lemah dan kedua, apabila pengawasan lemah maka mudahlah berlaku penyelewengan seperti penyelewengan menggunakan bahan-bahan yang murah atau rendah kualiti.

Di sini, Beta ingin menyeru khasnya kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik supaya menyuarakan pandangan-pandangan mereka tanpa ragu-ragu. Suara mereka adalah diperlukan untuk kebaikan.

Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamu ‘Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

TITAH
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SEMPENA
ISTIADAT PEMBUKAAN RASMI MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KETUJUH BELAS MAJLIS MESYUARAT NEGARA

BERTEMPAT DI
BANGUNAN DEWAN MAJLIS

PADA
HARI ISNIN, 1 SYAABAN 1442 BERSAMAAN 15 MAC 2021

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Bismillahir Rahmanir Rahim, Alhamdulillahi Rabbil 'Alameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadeen, Wassalaatu Wassalamu'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddun Wa'alaa Aalihiee Wasahbihee Ajma'een Waba'du.

Marilah kita merafakkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua, kita dapat berkumpul di Majlis Persidangan Bagi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Belas Majlis Mesyuarat Negara pada pagi ini.

Seperti sedia diketahui, penularan wabak koronavirus memberi impak besar kepada sosio-ekonomi dunia, tidak terkecuali juga Negara Brunei Darussalam. Namun Alhamdulillah, berkat usaha bersepadu semua pihak dan doa yang terus-menerus dirafakkan, maka negara kita telah berjaya membendung wabak berkenaan.

Tahniah hangat daripada Beta kepada semua petugas barisan hadapan dan bahkan seluruh lapisan masyarakat yang sama-sama berganding bahu dengan pihak Kerajaan Beta. Semoga keadaan ini akan berkekalan.

Seperti yang lazim, banyak perkara sedang dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan Beta, khususnya yang berkaitan dengan pembangunan modal insan, ekonomi dan usaha mengukuhkan kedayatahanan fiskal negara. Semua ini memerlukan komitmen seluruh lapisan, terutama sekali pemegang dasar kerajaan.

Pemegang dasar dikehendaki telus dan berani. Dalam Persidangan ini, perbincangan janganlah di*limit* untuk menyekat pandangan atau pendapat-pendapat daripada para ahli. Kerana sesungguhnya, peluang di sini tidak banyak, cuma sekali dalam setahun. Oleh itu, wajarlah bagi para ahli berbincang dengan rancak tetapi sihat.

Beta sentiasa mengikuti perkembangan Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam mengadakan sesi muzakarah bersama dengan kementerian-kementerian, bagi menyampaikan isu-isu yang dibangkitkan oleh anak-anak buah mukim dan kampung masing-masing serta peniaga-peniaga tempatan. Sesi Muzakarah ini elok diteruskan dari semasa ke semasa tanpa menunggu Musim Permesyuaratan Majlis Mesyuarat Negara tiba.

Banyak isu penting yang boleh dimuzakarahkan, seperti mengenai fiskal kerajaan yang menurun disebabkan oleh ketidaktentuan harga minyak global. Apakah yang sudah terjadi kepada hasil pendapatan negara? Jika terdapat sebarang unsur negatif, bagaimanakah cara menanganinya?

Demikian juga isu lain, seperti Skim Tabung Amanah Pekerja (TAP) yang masih saja menjadi persoalan umum, sama ada ia dapat menjamin ahli-ahlinya menghadapi hari-hari persaraan, termasuk untuk turut menyara keluarga yang masih jadi tanggungan.

Ini semua tiada halangan untuk dibincangkan, semata-mata pada peringkat perbincangan tanpa perlu mengambil sebarang rumusan atau keputusan, tetapi yang penting, kita mahu melihat dahulu pencambahan fikiran mengenainya, terutama daripada Ahli-Ahli Yang Dilantik.

Beta mengambil maklum bahawa hampir separuh daripada peruntukan belanjawan yang disediakan pada setiap tahun adalah untuk Gaji Kakitangan dan selebihnya, untuk Perbelanjaan Berulang-Ulang. Namun beberapa projek di bawah *Fiscal Consolidation Program* yang diperkenalkan oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi sejak Tahun Kewangan 2018/2019 telah mula menampakkan hasil.

Mengenai isu pengangguran, Kerajaan Beta melalui *Manpower Planning and Employment Council* (MPEC) telah berjaya menurunkan kadar pengangguran. Insya-Allah dengan pelaksanaan beberapa inisiatif di bawah *Economic Blueprint,* negara akan dapat menjana peluang-peluang pekerjaan untuk anak-anak tempatan. Cuma diharapkan, peluang-peluang yang disediakan itu janganlah disia-siakan dengan memilih pekerjaan. Kerana *mindset* seumpama ini tidak menguntungkan.

Pada tahun 2021 ini, Negara Brunei Darussalam akan mempengerusikan mesyuarat-mesyuarat di peringkat ASEAN dengan tema *"We Care, We Prepare, We Prosper".* Tema ini membawa makna yang luas, sama ada di peringkat ASEAN mahupun kepada Negara Brunei Darussalam sendiri.

Beta akan mengakhiri titah ini dengan doa, semoga permesyuaratan kali ini akan dapat berjalan lancar dan mampu untuk mencetuskan perbahasan dua hala yang bernas bagi melaksanakan projek-projek di bawah peruntukan Tahun Kewangan 2021/2022.

Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamu ʻAlaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

TITAH
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SEMPENA
ISTIADAT PEMBUKAAN RASMI MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KELAPAN BELAS MAJLIS MESYUARAT NEGARA

BERTEMPAT DI
BANGUNAN DEWAN MAJLIS

PADA
HARI KHAMIS, 23 REJAB 1443 BERSAMAAN 24 FEBRUARI 2022

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Bismillahir Rahmanir Rahim, Alhamdulillahi Rabbil 'Alameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadeen, Wassalaatu Wassalamu'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddun Wa'alaa Aalihiee Wasahbihee Ajma'een Waba'du.

Kita bersyukur kerana dapat berkumpul pada pagi ini untuk menghadiri Majlis Pembukaan Persidangan Bagi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara.

Majlis Mesyuarat Negara sebagaimana pernah Beta titahkan, adalah merupakan wadah strategik untuk membahaskan perkara-perkara yang berkebajikan untuk rakyat dan negara.

Persidangan Majlis pada kali ini akan membincangkan Rang Belanjawan Negara Tahun Kewangan 2022/2023. Rang ini telah pun ditunduki bersama-sama dengan kementerian-kementerian berkenaan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Belanjawan Negara. Oleh itu, semua projek yang disenaraikan sudah tentu mendukung perancangan strategik kementerian dan jabatan yang berkenaan.

Beta ingin mengingatkan bahawa kewangan negara hendaklah dikendalikan dengan berhemah dan berdisiplin. Setiap Pegawai Pegawal yang dilantik hendaklah memahami perkara ini bahawa mereka diminta untuk mematuhi peraturan-peraturan kewangan yang ada, tidak menggunakan kuasa berbelanja secara sewenang-wenang. Luruskanlah tadbir urus masing-masing mengikut keutamaan, keperluan, tidak membazir dan dilaksanakan dengan teratur.

Mengenai Peraturan Kewangan, Beta telah pun memperkenankan pindaan ke atas Perintah Perlembagaan (Prosedur Kewangan) (Pindaan) 2022 dan Peraturan-Peraturan Kewangan 2022 yang akan mula berkuat kuasa pada 1 April 2022.

Sedikit mengenai isu Skim Tabung Amanah Pekerja (TAP), Alhamdulillah, Beta mengambil maklum bahawa kajian telah pun selesai dibuat oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi dengan kerjasama Tabung Amanah Pekerja (TAP) dan insya-Allah pelaksanaan penuh akan bermula pada tahun 2023. Dalam pada itu, Beta sukacita menekankan bahawa segala persiapan sebelum pelaksanaannya hendaklah dilaksanakan dengan teratur, antaranya pindaan kepada akta, perubahan kepada sistem teknologi maklumat dan termasuk pemberigaan. Apa yang penting bagi mereka yang dalam skim ini ialah, untuk memahami berkenaan dengan skim persaraan baharu yang dimaksudkan.

Rancangan Kemajuan Negara Kesebelas (RKN-11) akan berakhir pada Tahun Kewangan 2022/2023. Ini bererti Rancangan Kemajuan Negara Kedua Belas (RKN-12) akan bermula pada bulan April 2023, di mana pada masa ini Sekretariat Rancangan Kemajuan Negara di Kementerian Kewangan dan Ekonomi sedang giat menyediakan peta jalan bagi projek-projek yang akan dimasukkan ke dalam Rancangan Kemajuan Negara Kedua Belas (RKN-12) nanti. Peta jalan ini menerapkan kaedah *Whole of Government* yang melibatkan semua kementerian, sebagai usaha untuk memastikan Wawasan Negara 2035 tercapai.

Sejak gelombang kedua wabak koronavirus melanda negara ini, Kerajaan Beta telah menghulurkan bantuan kepada Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana, dengan tujuan mengurangkan pekerja-pekerja diberhentikan. Manakala bagi golongan pekerja sektor swasta yang terkesan pula, bantuan kewangan juga dihulurkan untuk kelangsungan hidup seharian mereka.

Antara perkara yang menjadi pengajaran berikutan penularan wabak ini ialah mengenai jaminan makanan *(food security).* Berikutan dengan beberapa sekatan perjalanan yang masih dilaksanakan oleh sebahagian negara, maka langkah ini sedikit sebanyak telah menjejaskan kemasukan barang-barang makanan dan sekali gus menjadikan harga barangan dan kadar inflasi tinggi.

Negara Brunei Darussalam tidak terkecuali dari menerima kesan yang sama. Namun Alhamdulillah, Beta difahamkan Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik di Kementerian Kewangan dan Ekonomi sedang aktif melaksanakan tindakan pemantauan harga, sebagai langkah memastikan peniaga tidak sewenang-wenangnya menaikkan harga barangan pada paras yang tidak dibenarkan.

Semua orang tahu bahawa pendapatan negara masih bergantung pada hasil minyak dan gas. Namun usaha-usaha mengembangkan ekonomi bagi mengurangkan kebergantungan ini telah pun mula menampakkan hasilnya, berupa jumlah *export Refined Fuel* melalui projek Pelaburan Langsung Asing dari bulan Januari 2021 hingga November 2021 bernilai USD 4.9 bilion. Di samping itu, projek *Brunei Fertilizer Industry* telah pun mengeksport 6,200 tan metrik baja urea pada 3hb Februari 2022.

Dengan kemasukan Pelaburan Langsung Asing ke negara ini, sudah tentunya akan membuka peluang pekerjaan dan perniagaan kepada orang-orang dan syarikat-syarikat tempatan. Ini semua memberi faedah signifikan kepada negara, termasuk menambahkan hasil pendapatan.

Sementara itu, usaha meningkatkan sara diri dalam sektor pertanian agrimakanan, perikanan dan ternakan sedang diaktifkan. Beta mengambil maklum bahawa perkara ini sedang dilaksanakan oleh kementerian berkenaan dengan meningkatkan keluaran dari sektor pertanian dan perikanan. Pengeluaran beras tempatan pada khususnya juga sudah mula menampakkan hasilnya dengan produktiviti peningkatan kapasiti *rice milling.* Insya-Allah dengan terlaksananya projek ini nanti akan membantu para petani untuk lebih fokus kepada penanaman padi masing-masing.

Akhirnya, Beta berharap kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat supaya bersedia memberikan buah fikiran dan pendapat masing-masing tanpa ragu-ragu dan walang demi kebaikan semata-mata. Adapun negara memang sentiasa menunggu idea bernas daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Beta mahu supaya digunakan peluang ini untuk mengemaskan mana-mana yang belum kemas dan menambah baik mana-mana yang masih perlu diperbaiki. Inilah ‘moto’ persidangan kali ini, Beta ucapkan selamat bersidang.

Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamu ‘Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

TITAH
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SEMPENA
ISTIADAT PEMBUKAAN RASMI MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KESEMBILAN BELAS MAJLIS MESYUARAT NEGARA

BERTEMPAT DI
BANGUNAN DEWAN MAJLIS

PADA
HARI KHAMIS, 9 SYAABAN 1444 BERSAMAAN 2 MAC 2023

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Bismillahir Rahmanir Rahim, Alhamdulillahi Rabbil 'Alameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadeen, Wassalaatu Wassalamu'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddun Wa'alaa Aalihiee Wasahbihee Ajma'een Waba'du.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat-Nya jua, dapatlah kita berkumpul di Majlis Persidangan yang mulia ini bagi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Belas Majlis Mesyuarat Negara pada pagi ini.

Beta terlebih dahulu mengucapkan tahniah kepada Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib atas pelantikan semula sebagai Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara.

Beta juga mengucapkan tahniah kepada Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara Baharu Yang Dilantik. Ucapan penghargaan dan ucapan terima kasih juga Beta tujukan kepada mantan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara atas sumbangan mereka dalam persidangan-persidangan Majlis yang lalu.

Beta berharap Ahli-Ahli Baharu Yang Dilantik akan dapat menunaikan tanggungjawab dengan ikhlas bagi memberikan apa jua pandangan serta bersikap terbuka dengan anak buah ketika mendapatkan pendapat dan maklum balas daripada mereka masing-masing.

Begitu juga ketika membahas sesuatu perkara, sikap ini juga penting sambil pemikiran jangan lari dari mencari impak positif untuk negara. Inilah masanya untuk berbincang tanpa terikat dengan syarat-syarat yang merugikan. Beta mahu semua Ahli Yang Berhormat hendaklah berfikiran terbuka tetapi bebas daripada sebarang pengaruh luar kerana kita sesungguhnya tidak mahu sebarang anasir mungkin mencemari kemurnian "Calak Brunei" kita.

Secara khusus, Beta juga berharap supaya Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam Kalangan Orang-Orang Bergelar yang mempunyai pengalaman luas akan dapat menjadi teladan terbaik dalam menyuarakan isu-isu yang berbentuk strategik. Manakala perkara-perkara yang bersifat operasi dan taktikal bolehlah dibincangkan bersama agensi-agensi yang berkenaan di luar Dewan Majlis dari semasa ke semasa.

Sangat penting diambil kira ialah cabaran untuk meningkatkan Hasil Kerajaan Beta dan dalam masa yang sama perbelanjaan yang akan dibahas dan diluluskan dalam Mesyuarat MMN nanti akan benar-benar memberi impak positif kepada negara dan rakyat tanpa terlalu banyak membebankan kerajaan Beta.

Janganlah lupa, antara isu penting yang perlu diberikan perhatian ialah isu pengangguran. Beta yakin, dengan adanya kerjasama dan sokongan padu dari semua pihak yang berkepentingan, maka kadar pengangguran boleh dikurangkan sebagaimana telah dicapai sebelum ini iaitu kadar pengangguran menurun kepada 4.9% pada tahun 2021 berbanding 7.3% pada tahun 2020.

Kerajaan Beta melalui Sekretariat Tetap *Manpower Planning and Employment Council (MPEC)* sentiasa merancang dan melaksanakan beberapa strategi melalui pendekatan *Whole of Government* dan *Whole of Nation* supaya kebajikan dan kepentingan para pencari kerja tempatan diperkasa dengan latihan semula dan peningkatan ilmu pengetahuan untuk memudahkan mendapat pekerjaan.

Dalam meningkatkan kemahiran profesional anak-anak tempatan di syarikat swasta, di Sektor Pembinaan dan Tenaga, *HSE Competency Apprentice Programme* telah diperkenalkan untuk membolehkan mereka layak mendaftar *Workplace Safety and Health Officer (WSHO)* atau penyelaras di tempat kerja mengikut piawaian *Safety, Health and Environmental National Authority (SHENA).*

Kerajaan juga telah memperkenalkan program *SkillsPlus* untuk memberikan peluang kepada anak-anak tempatan meningkatkan kemahiran dan kebolehpasaran dan program ini telah dilaratkan kepada 4 sektor baharu, iaitu Sektor Tenaga, Pembinaan, Pengangkutan dan Logistik dan *HSE.*

Semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara yang lalu, Beta telah pun bertitah mengenai Skim Tabung Amanah Pekerja (TAP) dan kajian yang dilaksanakan bagi penambahbaikan skim persaraan dalam usaha Kerajaan Beta mengukuhkan perlindungan sosial dan inklusif dan mampan yang merupakan salah satu tunjang utama Strategi Jaminan Sosial Rakyat dan Penduduk Negara Brunei Darussalam.

Skim Persaraan Kebangsaan (SPK) yang baharu ini akan dapat memberikan pendapatan persaraan yang lebih baik daripada Skim TAP yang ada pada masa ini dan juga akan menggalakkan ahli-ahli SPK untuk terus berusaha mencari dan mendapatkan pekerjaan sama ada di sektor swasta, kerajaan atau secara persendirian yang hasil sumbangan tersebut dimasukkan ke dalam SPK akan menampung pada hari persaraan nanti. SPK ini, insya-Allah, akan dilancarkan pada bulan Julai tahun ini.

Mengenai komitmen negara ke arah Perubahan Iklim, Beta telah memperkenankan Negara Brunei Darussalam untuk menjadi Tuan Rumah bagi Pusat Perubahan Iklim *ASEAN (ASEAN Centre for Climate Change)* yang akan menempatkan pakar-pakar dari dalam dan luar negara untuk menjalankan kegiatan penyelidikan berkaitan dengan perubahan iklim.

Ini selaras dengan Dasar Perubahan Iklim Negara pada mana satu direktif, Inventori Karbon menggunakan *Centralized Inventory System* yang akan diperkenalkan dalam usaha negara melaksanakan pemantauan dan mengesahkan data gas rumah hijau secara telus, konsisten dan tepat. Dengan maklumat tersebut pada penghujung tahun 2023, Pelan Kebangsaan Adopsi Perubahan Iklim akan dirangka sebagai usaha penyelarasan dan penyesuaian dengan perubahan iklim.

Menyentuh mengenai bidang Ekonomi, mengikut Laporan Ringkasan *Annual Census of Enterprises* 2021, yang disediakan oleh Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik bagi tahun 2020 Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) membentuk 97.2% dari jumlah keseluruhan perusahaan aktif Negara Brunei Darussalam pada tahun 2020.

Dengan demikian peranan PMKS adalah sangat penting dalam menggiatkan ekonomi negara dan dengan itu, persekitaran perniagaan harus pula terus diperbaiki untuk menggalakkan lebih ramai lagi usahawan menceburi bidang perniagaan dan perusahaan serta menggalakkan perusahaan yang sedia ada untuk terus berkembang. PMKS juga perlu berani merebut peluang bagi mengembangkan perniagaan mereka ke luar negara kerana ini akan menghasilkan *high value added* kepada ekonomi negara.

Pihak *Darussalam Enterprise (DARe)* telah dan akan menyediakan skim bantuan dan program latihan dan khidmat nasihat untuk dimanfaatkan oleh PMKS. *DARe* juga telah memudah cara beberapa projek dalam pelbagai sektor utama *(priority sectors)* yang dikenal pasti seperti sektor agrimakanan dan sektor pembangunan bagi meningkatkan kondusif ke arah menjana lebih banyak aktiviti perekonomian dan mendukung sara diri dan berorientasikan eksport.

Akhirnya, Beta ingin mengingatkan sekali lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat supaya akan dapat menggunakan persidangan ini dengan sebaiknya dengan membentangkan isu-isu utama yang strategik dan penting serta sama-sama memberikan buah fikiran dan mencari jalan-jalan penyelesaian yang berpatutan.

Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamu ‘Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

TITAH
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SEMPENA
ISTIADAT PEMBUKAAN RASMI MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-20 MAJLIS MESYUARAT NEGARA

BERTEMPAT DI
BANGUNAN DEWAN MAJLIS

PADA
HARI SELASA, 17 SYAABAN 1445 BERSAMAAN 27 FEBRUARI 2024

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Bismillahir Rahmanir Rahim, Alhamdulillahi Rabbil 'Alameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadeen, Wassalaatu Wassalamu'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddun Wa'alaa Aalihiee Wasahbihee Ajma'een Waba'du.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dapat bersidang lagi pada hari ini dalam Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara. Majlis Mesyuarat Negara merupakan medan untuk melahirkan pendapat dan buah fikiran yang membina oleh para ahli. Ia dihasratkan kekal relevan untuk membincang perkara-perkara strategik yang bermanfaat bagi rakyat dan negara.

Beta berharap Ahli-Ahli Yang Berhormat akan sentiasa peka untuk mengikuti perkembangan yang berlaku bukan sahaja di dalam negara malah juga di peringkat serantau mahupun antarabangsa. Ini semua boleh memberikan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat perspektif berbeza serta idea-idea baharu yang boleh menyuntik kemajuan dalam bidang-bidang utama yang diperlukan. Secara khusus Beta juga mahu Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik akan sentiasa turun padang untuk bermuzakarah dengan pihak-pihak berkepentingan dari sektor kerajaan, swasta, persatuan-persatuan dan lebih-lebih lagi para penduduk yang diwakili masing-masing.

Beta percaya perundingan timbal balik ini akan memastikan *inclusiveness* kesemua pihak dan meningkatkan lagi keyakinan masyarakat serta membantu reka dasar Kerajaan Beta. Ke arah ini Beta sarankan supaya pihak-pihak berkenaan dalam kerajaan untuk terus memanfaatkan pengalaman dan pengetahuan Ahli-Ahli Yang Berhormat khasnya menerusi penglibatan dalam mana-mana keahlian jawatankuasa ataupun *taskforce* yang diamanahkan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik juga disarankan untuk membuat inisiatif masing-masing ke arah membantu Kerajaan Beta dalam menjana peluang-peluang pekerjaan, mempertingkatkan sektor-sektor perekonomian dan pembangunan kapasiti sumber tenaga manusia termasuk dalam kalangan pengusaha tempatan dan golongan tertentu yang lain. Beta difahamkan bahawa menerusi laporan *ASEAN +3 Macro Economic Research Office (AMRO)* telah diramalkan bahawa ekonomi negara akan mengukuh kepada 2.4% pada tahun 2024 yang diterajui oleh sektor bukan minyak dan gas melalui aktiviti perekonomian dalam sektor pertanian, makanan, kewangan, pengangkutan dan pelancongan serta peluasan aktiviti dalam sektor penapisan minyak dan gas hiliran.

Beta juga telah difahamkan bahawa beberapa usaha mempelbagaikan ekonomi telah pun dilaksanakan, namun masih saja belum mencukupi untuk mengimbangi kedudukan defisit fiskal kerajaan. Tetapi apa pun keadaan pada hakikatnya kita tidak dapat lagi terlalu bergantung pada semata-mata sektor minyak dan gas kerana terdapat beberapa faktor di luar kawalan kita seperti penurunan pengeluaran minyak dan gas dan harga pasaran global minyak dan gas yang tidak menentu. Usaha-usaha perlulah diteruskan dan dipertingkatkan lagi ke arah mempelbagaikan ekonomi serta memberikan tumpuan kepada industri-industri strategik yang negara mempunyai potensi dan kekuatan untuk lebih berjaya. Pada masa yang sama, isu-isu semasa seperti isu alam sekitar, perubahan iklim dan sebagainya juga perlu diberikan perhatian. Namun apa pun berlaku hala tuju pengeluaran minyak dan gas mesti diaktifkan dan industri hiliran minyak dan gas dikembangkan serta bekalan tenaga elektrik dan bahan api terus diutamakan.

Dari segi perbelanjaan kerajaan pula, ia dilihat semakin meningkat tahun demi tahun. Namun demikian, Alhamdulillah, Kerajaan Beta masih mampu untuk menyediakan sejumlah belanjawan bagi keperluan pembangunan.

Apa yang penting di sini ialah setiap agensi Kerajaan Beta hendaklah menggunakan peruntukan yang disediakan dengan lebih berhemah untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan bagi penduduk dan rakyat negara ini.

Dari segi pembangunan negara pula, Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-12 akan bermula pada Tahun Kewangan 2024 – 2025 ini bagi tempoh lima tahun. Dalam masa yang sama, RKN mempunyai peranan penting ke arah mencapai aspirasi Wawasan Brunei 2035. Maka apa yang Beta harapkan supaya projek-projek pembangunan RKN ini akan dapat dipercepatkan mengikut garis masa yang sudah ditentukan.

Adalah juga menjadi harapan kita supaya *Blueprints* yang berkaitan dengan perekonomian akan mendorong kepada pertumbuhan sektor yang disasarkan dan dapat menarik lebih banyak lagi Pelaburan Langsung Asing yang berpotensi untuk menjana peluang-peluang pekerjaan baharu. Untuk akhirnya, Beta sekali lagi menyarankan agar persidangan ini akan dapat dimanfaatkan sepenuhnya bagi mencapai objektif pembangunan dan kemajuan negara.

Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamu ‘Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

TITAH
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SEMPENA
ISTIADAT PEMBUKAAN RASMI MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA

BERTEMPAT DI
BANGUNAN DEWAN MAJLIS

PADA
HARI RABU, 27 SYAABAN 1446 BERSAMAAN 26 FEBRUARI 2025

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Bismillahir Rahmanir Rahim, Alhamdulillahi Rabbil 'Alameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadeen, Wassalaatu Wassalamu'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddun Wa'alaa Aalihiee Wasahbihee Ajma'een Waba'du.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah izin-Nya jua, dapatlah kita sama-sama hadir di Majlis Persidangan yang mulia ini bagi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara.

Beta terlebih dahulu sukacita mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan di atas komitmen yang telah ditunjukkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik dalam usaha memajukan agenda pembangunan negara melalui sesi dialog, muzakarah dan lawatan kerja sebagai wadah penting bagi perkongsian pandangan di antara pihak Kerajaan dan Rakyat di negara ini.

Adalah jelas peranan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara untuk membahaskan perkara-perkara utama, termasuk memberikan maklum balas terhadap setiap dasar Kerajaan supaya benar-benar menghasilkan impak positif terhadap kesejahteraan rakyat.

Kerana itu, integriti dan kewibawaan setiap Ahli Majlis adalah diukur pada kemampuan masing-masing untuk berfikir secara terbuka, berunding secara teratur dan bertindak proaktif demi kepentingan negara.

Melihat akan perkara ini, maka Beta telah memperkenankan bagi perubahan terhadap persidangan majlis ini iaitu kepada dua kali setahun bermula tahun ini. Ini termasuk pengemaskinian ke atas prosedur dan proses kerja menurut Peraturan Majlis Mesyuarat *(Standing Orders)* bagi setiap ahli untuk mempraktikkan sepenuhnya.

Dalam perkara berkaitan, Beta juga melihat akan keperluan bagi penggubalan Kod Etika Ahli-Ahli Majlis dalam melaksanakan tugas dengan lebih berkesan dan berintegriti tinggi.

Perubahan-perubahan ini akan mengukuhkan lagi keberkesanan persidangan majlis melalui perbincangan yang lebih teratur, fokus dan berkesinambungan serta mencerminkan kematangan dan profesionalisme Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bekerjasama dengan Kerajaan menjaga kebajikan dan kesejahteraan rakyat di negara ini.

Selain itu, Beta juga memperkenankan bagi Kementerian Kesihatan untuk mengemaskini dasar caj perkhidmatan yang sedia ada bagi Penduduk Tetap yang tidak mempunyai taraf kewarganegaraan *(stateless)* untuk diberikan kemudahan perkhidmatan kesihatan sepertimana yang diberikan kepada warganegara Brunei Darussalam.

Berkaitan dengan ekonomi pula, usaha kita ke arah mempelbagaikan ekonomi juga sudah mula menunjukkan hasil yang memberangsangkan.

Sumbangan Keluaran Dalam Negara Kasar atau KDNK, bagi Sektor Bukan Minyak dan Gas telah menunjukkan kemajuan yang ketara dari segi purata pertumbuhan sepanjang tempoh tahun 2017 sehingga 2023 iaitu sebanyak 4.3 peratus setahun. Peningkatan ini telah menyumbang kepada peningkatan eksport barangan negara termasuk pengeksportan produk-produk baharu dan juga penembusan ke pasaran baharu seperti ke Chile, Mozambique, Colombia, Peru dan Mexico.

Antara kemajuan yang dimaksudkan adalah di sektor hiliran minyak dan gas yang telah mengalami peningkatan yang luar biasa, dengan jumlah sumbangan KDNK pada harga tetap meningkat daripada BND136 juta pada tahun 2017 kepada BND1,241 juta pada tahun 2023. Apa yang jelas ialah penubuhan industri petrokimia telah menghasilkan produk seperti petroleum, methanol dan urea telah menjadi pemacu utama.

Selain itu, sektor perkhidmatan juga mencatatkan peningkatan iaitu daripada BND1,485 juta pada tahun 2017 kepada BND1,721 juta pada tahun 2023, dengan purata peningkatan tahunan sebanyak 2.5 peratus, yang disumbangkan oleh aktiviti-aktiviti perdagangan dan perkhidmatan perniagaan.

Insya Allah, kita akan terus memacu pertumbuhan ekonomi melalui aktiviti perekonomian baharu seperti pengeluaran *Petroleum Intermediate Derivatives* yang akan menjana aktiviti tambahan dalam sektor hiliran minyak dan gas: menjadikan negara sebagai hab bagi sektor kimia, pembuatan dan makanan, dan menerokai aktiviti peralihan tenaga ke arah persekitaran yang mampan.

Di samping itu, di peringkat mikro pula, Kerajaan Beta akan terus berusaha dalam menggerakkan lebih banyak lagi aktiviti perekonomian dan pelancongan ke negara ini yang dapat mendatangkan kesan limpahan positif kepada peniaga-peniaga tempatan.

Namun demikian, kita tidak boleh berpuas hati. Ekonomi kita masih sahaja bergantung kepada minyak dan gas. Maka, kita perlu terus melakukan transformasi dalam meningkatkan produktiviti dan hasil negara merentasi sektor-sektor seperti pertanian, pengangkutan, pendidikan, kesihatan, pelancongan, keselamatan dan perkhidmatan awam serta industri-industri baharu dengan mengambil kira kepesatan teknologi.

Menyentuh tentang revolusi teknologi, khususnya kecerdasan buatan atau *Artificial Intelligence,* ianya membuka peluang baharu yang memerlukan kita untuk terus memperkasa sumber manusia dan keupayaan negara.

Apa yang pasti, perjalanan menuju Wawasan Brunei 2035 memerlukan kerjasama, inovasi dan semangat juang yang tinggi dari semua pihak. Oleh yang demikian, setiap cadangan dan idea yang dikemukakan di Dewan ini adalah bernilai untuk diteliti dengan mengambil kira *emerging issues* di peringkat global untuk diambil tindakan oleh pihak-pihak berkepentingan mengikut kesesuaiannya.

Sejajar dengan ini, Beta sentiasa mengharapkan agar persidangan majlis ini akan terus berunding dengan jujur, berfikiran kreatif dan bertindak strategik ke arah meraih masa depan gemilang negara kita.

Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamu ‘Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

TITAH
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SEMPENA
ISTIADAT PEMBUKAAN RASMI MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22 MAJLIS MESYUARAT NEGARA

BERTEMPAT DI
BANGUNAN DEWAN MAJLIS

PADA
HARI KHAMIS, 22 RAMADHAN 1447 BERSAMAAN 12 MAC 2026

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Bismillahir Rahmanir Rahim, Alhamdulillahi Rabbil 'Alameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadeen, Wassalaatu Wassalamu'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddun Wa'alaa Aalihiee Wasahbihee Ajma'een Waba'du.

Alhamdulillah, dengan limpah rahmat Allah jua, dapatlah kita berkumpul bagi Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara Bagi Tahun 2026 Masehi.

Persidangan Majlis Mesyuarat Negara bukan setakat pertemuan tahunan, tetapi ia juga adalah wadah strategik untuk membahaskan isu-isu sebenar yang dihadapi oleh negara dan rakyat, berdasarkan penelitian mendalam dan fakta yang kukuh. Pendekatan sesi dialog dan permuzakarahan bersama Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan, perlu dimanfaatkan sebaiknya. Pada pendapat Beta pendekatan sedemikian telah pun terbukti berkesan dalam merapatkan lagi ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara dengan masyarakat, dalam memeduli keperluan serta untuk mendengar keluhan rakyat.

Negara perlu sentiasa peka dengan pergolakan geo politik antarabangsa dan kesannya terhadap cabaran ekonomi global.

Negara kita juga tidak terlepas dari menerima kesan cabaran ini, lebih-lebih lagi jika kesan itu menjejaskan harga komoditi tenaga yang menjadi sumber pendapatan negara. Di sinilah ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara perlu berganding bahu dan bekerjasama untuk menangani sebarang ketidakpastian yang timbul.

Beta mahu melihat tindakan pelaksanaan yang lebih agresif serta ketahanan dalam merangka dasar dan strategi pembangunan negara, khasnya ke arah matlamat Wawasan Brunei 2035, termasuk usaha berterusan dalam menerokai pelaburan strategik dalam sektor-sektor baharu yang boleh merancakkan lagi pertumbuhan ekonomi negara dan usaha mengukuhkan fiskal kerajaan.

Apa yang pasti, keperluan untuk membangunkan perkara-perkara baharu bukanlah lagi satu pilihan, bahkan ianya satu keperluan yang wajar direalisasikan. Namun begitu, kemajuan juga perlu seimbang dengan perbelanjaan berhemah, termasuk mengutamakan inisiatif yang berimpak tinggi untuk meningkatkan daya tahan negara.

Pendekatan-pendekatan baharu memang diperlukan dalam mewujudkan eko-sistem kondusif ke arah pemerkasaan peranan sektor swasta serta perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS).

Dari sudut infrastruktur dan kemudahan awal pula, usaha perlu diteruskan dengan meneroka penyediaan perkhidmatan pengangkutan awam yang lebih berkualiti dan selamat.

Beta amat bersimpati dengan musibah yang berlaku baru-baru ini yang mengorbankan dua penunggang basikal. Maka dalam hal ini, Beta menyeru pihak-pihak yang berkenaan terutama Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya untuk bukan sahaja melihat dari segi perundangan dan penguatkuasaan tetapi juga mesti mengambil berat prasarana yang selamat untuk digunakan.

Dari sudut yang lain pula, Kerajaan Beta akan terus memperkukuh budaya kerja yang bersih, beretika, berintegriti dan tadbir urus yang cemerlang merentasi semua sektor. Ini termasuk usaha membanteras secara agresif gejala rasuah dan salah guna kuasa akan terus dilaksanakan dengan menumpukan kepada sektor-sektor Kerajaan dan swasta, khususnya yang melibatkan aspek perkhidmatan dan penguatkuasaan. Kerajaan Beta tidak akan bertolak ansur dalam membanteras gejala rasuah kerana jika tidak dibendung, ianya akan mengancam keselamatan negara.

Akhirnya harapan Beta, supaya Majlis Mesyuarat Negara akan membahaskan isu-isu strategik yang berkeutamaan sebagai sifatnya pencetus idea-idea bernas, pragmatik dan inovatif selaras dengan keperluan semasa negara. Beta ingin ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara bersama-sama berganding bahu dengan Kerajaan untuk mencari penyelesaian terhadap cabaran-cabaran dan masalah-masalah yang dihadapi oleh masyarakat dan negara.

Matlamat kita adalah jelas iaitu untuk membina sebuah negara yang progresif dan berpandangan jauh yang mengimbangi inovasi dengan kelestarian kewangan serta terus menjamin kesejahteraan rakyat.

Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamu ʻAlaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.